



TAIWAN ON 2 WHEELS

Negara Impian Penunggang Basikal





Prakata

Taiwan adalah sebuah pulau indah dan mempunyai hubungan kehidupan yang simbiotik dengan laut. Akibat pelanggaran plat tektonik, maka terbentuk muka bumi bergunung-ganang yang curam dan orang seringkali terkagum dengan pemandangan menakjubkan ini. Keindahan Taiwan boleh dikecapi dari pelbagai sudut dan gaya pengembaraan. Buku ini, "Tanah Impian Pengembara Berbasikal" -- adalah hadiah Taiwan kepada penggemar basikal. Pengalaman berbasikal amat mencabar, dan penunggang dapat mendalamai serta menyelami kehidupan orang tempatan dari jarak dekat di pekan dan kejiran yang dilawati, sambil mengamati keindahan semulajadi Taiwan. Keseronokan berbasikal mengelilingi pulau digabung dengan keindahan kawasan pemandangan indah yang bertaburan di merata tempat, pasti membawa satu pengalaman yang sukar dilupakan kepada pengembara berbasikal!

**「Pencapaian keyakinan diri tidak mengurangkan keseronokan melancong」
Buku Panduan ini bertujuan membawakan imajinasi kepada Pengembara Berbasikal!**

Pelbagai maklumat

Kami harap dapat menarik perhatian mereka yang suka melancong serta bercita-cita untuk berbasikal mengelilingi pulau. Oleh itu, kandungan ini tidak sekadar lengkap dengan maklumat profesional yang diperlukan untuk merancang perjalanan sekitar pulau, tetapi ia juga memperkenalkan laluan berbasikal di kawasan pemandangan indah kebangsaan di Taiwan. Perjalanan ini dibahagikan mengikut segmen pada setiap laluan itu supaya pembaca dapat merancang perjalanan berbasikal di Taiwan dengan selesa menggunakan penerangan grafik yang mudah difahami !

Berfungsi dengan sepenuhnya

Buku Panduan ini memberikan maklumat yang diperlukan oleh pelancong berbasikal, seperti: garis cerun bukit, koordinat titik tetap GPS, stesen bekalan, kemudahan perubatan, dan depot penyelenggaraan basikal. Ia juga menggunakan imbasan kod QR untuk mengurangkan masa mencari tempat-tempat menarik. Bab <Lorong Basikal Cabaran Alishan> serta <Lorong Basikal Pulau Peng-Hu> dilampir khas, penerangan diberikan dalam bentuk diari dan foto supaya pelancong yang ingin melancong di Taiwan mempunyai pemahaman yang lebih komprehensif dan mendalam mengenai laluan perjalanan basikal.

Isi Kandungan

Perancangan Pra-Perjalanan

- 01 Penilaian Sebelum Perlepasan
- 03 Peralatan Menunggang
- 05 Aturan Jadual Perjalanan
- 07 Barang Peribadi

Perancangan Laluan

- 09 Hari Pertama -Taipei - Hsinchu
- 17 Hari Kedua - Hsinchu - Taichung
- 23 Hari Ketiga - Taichung - Chiayi
- 31 Amat Disyorkan: Tasik Sun Moon - Taichung
- 39 Amat Disyorkan: Tasik Sun Moon - Chiayi
- 45 Hari Keempat- Chiayi – Kaohsiung
- 53 Hari Kelima- Kaohsiung – Checheng
- 61 Hari Keenam- Checheng – Taitung
- 65 Hari Ketujuh- Taitung – Yuli
- 79 Hari Kelapan- Yuli – Hualien
- 85 Hari Kesembilan- Hualien – Toucheng
- 89 Hari Kesepuluh- Toucheng – Taipei


Amat Disyorkan

- 13 Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Pantai Utara & Guanyinshan
- 21 Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Canshan (ShiTouShan)
- 27 Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Pantai Barat Daya
- 35 Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Tasik Sun Moon
- 43 Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Canshan (BaGuShan)
- 49 Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Silaya
- 57 Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Maolin
- 69 Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Lembah East Rift
- 75 Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Pantai Timur
- 93 Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Timur Laut dan Pantai Yilan
- 97 Lorong Cabaran Berbasikal Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Alishan
- 101 Lorong Trafik untuk Pulau Terpencil- Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Penghu

Peralatan Praktikal

- 105 Sumber Atas Talian
- 107 Trafik, Dewan dan Tempat Penginapan

Laman Hakcipta



Penilaian Sebelum Perlepasan

Berbasisikal mengelilingi pulau merupakan satu cara yang baik untuk mengenali Taiwan. Ia tidaklah begitu sukar, tetapi adalah satu idea yang baik untuk membuat persediaan awal sebelum anda memulakan perjalanan.

Faktor utama yang dipertimbangkan oleh kebanyakan orang yang menyahut cabaran perjalanan jarak jauh adalah samada mereka mampu menanggung beban fizikal. Sebenarnya, masalah terbesar adalah pengumpulan keletihan dan kesakitan otot disebabkan oleh berbasikal untuk waktu yang panjang. Oleh itu, kunci kejayaan perjalanan mengelilingi pulau adalah keazaman dan ketahanan untuk mengatasi halangan fizikal.

Biasanya, berbasikal mengelilingi pulau Taiwan mengambil masa selama 9 ~ 12 hari, dan jarak tunggangan harian sejauh 70 hingga 120 kilometer. Setiap orang boleh mlaras jarak tunggangan mengikut keadaan fizikal masing-masing. Bagi orang yang kerap bersenam, tidak perlu terlalu bimbang tentang kecergasan mereka. Sekiranya anda tidak mempunyai tabiat bersenam, anda perlu mengatur latihan fizikal awal terlebih dahulu, seperti berenang, berlari, berjalan kaki secara pantas atau berbasikal dan latihan sukan ketahanan lain. Di samping itu, kesihatan fizikal seseorang individu mesti dinilai sebelum bertolak, dan rujuk kepada nasihat doktor jika perlu. Tujuan mengelilingi pulau adalah untuk memperkaya kehidupan. Sekiranya perlu, anda juga boleh menggunakan pendekatan bersegmen memanjangkan jumlah hari untuk mencapai misi.

Tidak kira stamina fizikal baik atau buruk, anda mesti berlatih dengan gigih sebelum memulakan perjalanan, dan sedar tentang pelbagai situasi yang mungkin timbul semasa berbasikal. Sebagai contoh, jika menunggang berterusan melebihi 5 jam sehari, anda mungkin menghadapi bahu kaku, sakit belakang, pinggang, punggung, dan sebagainya. Ujian menunggang pada peringkat awal dapat membantu anda memahami keadaan dan mencari jalan penyelesaian terlebih dahulu. Aktiviti berbasikal seharian yang biasa dianjurkan oleh berbagai daerah dan kota di Taiwan, boleh digunakan sebagai latihan untuk mengelilingi pulau dan juga dapat memahami Taiwan secara lebih mendalam pada masa yang sama. Geografi Taiwan yang bergunung-ganang memudahkan anda

menemui banyak kawasan yang beralun seperti jalan pesisir Beiyi di Timur Laut Taiwan, Nanhui di Taiwan Selatan , Suhua, serta Huadong di timur Taiwan dan lain-lain lagi. Pengalaman menginjak dan bernafas cara yang betul ketika naik cerun bukit serta kawalan basikal ketika menuruni bukit juga merupakan latihan yang penting.

Berapa Berat Beg Unta 10 Kg?

Biasanya, orang boleh mengangkat beg unta seberat 10 kg dengan mudah, namun jangan memandang rendah 10 kg beg unta di rak belakang basikal. Semasa naik cerun bukit, ia berat seperti batu!

Menunggang melawan arah angin akan membuat anda...

Cuba anda fikir balik perasaan semasa mengayuh melawan arah angin di tanah rata dengan segala kekuatan yang ada, tetapi hanya mampu mencapai 4 kilometer sejam sahaja (kelajuan berjalan biasa). Tidak kira sekutu mana anda menunggang, ia seolah-olah satu dinding halimunan di hadapan, menghalang anda untuk maju ke hadapan. Sebaliknya, jika anda menginjak dalam arah angin buritan, juara acara lari Sukan Olimpik 100m pun tidak mampu mengejar anda dari belakang.



Peralatan Menunggang

Persiapan yang menyeluruh sebelum perjalanan adalah syarat utama untuk melengkapkan misi.

Mempunyai peralatan yang lengkap dapat mengurangkan risiko menyerah kalah di separuh jalan!

Kualiti jalan di Taiwan agak baik, dan terdapat banyak tempat untuk menambah bekalan. Oleh itu, tidak semestinya menggunakan basikal pengembalaan profesional dalam perjalanan mengelilingi pulau. Sebenarnya, tidak kira samada ia basikal jalanan, basikal gunung, basikal roda kecil, basikal lipat atau basikal kruiser, kesemuanya boleh digunakan sebagai pengangkutan mengelilingi pulau. Namun begitu, itinerari mengelilingi pulau biasanya lebih daripada seribu km dan boleh menjadi agak mencabar jika basikal berkeadaan buruk atau dari saiz yang salah kerana anda mungkin berakhir dengan "usaha berganda untuk keputusan separuh sahaja".

Selain basikal yang sesuai, seluruh berat badan akan menekan pada 5 titik pada basikal (dua pemegang, dua pedal dan pelana) dalam perjalanan melebihi seribu kilometer itu, dan ini boleh menjadi agak tidak selesa. Walabagaimanapun, sarung tangan khas, seluar basikal dan pelana yang berpadansuai akan meminimumkan ketidakselesaan supaya penunggang boleh memfokus menikmati perjalanan itu.

Pada kebanyakan masa anda akan berkongsi lorong yang sama dengan motosikal dan kereta dalam proses mengelilingi pulau. Selain daripada memerhati keadaan sekeliling, penunggang juga harus mengambil langkah berjaga-jaga dengan memakai topi keledar, mempunyai lampu hadapan dan belakang, memakai pakaian yang dapat menarik perhatian dan sebagainya untuk meningkatkan penglihatan pengguna jalan raya lain terhadap penunggang basikal.

Untuk mengatasi sebarang masalah yang mungkin timbul sepanjang perjalanan, penunggang perlu mempunyai peralatan penting seperti tuil tayar, pam mini, serta satu set alatan pelbagai fungsi. Di samping itu, terdapat banyak spesifikasi untuk tiub dan rantai, adalah dicadang agar anda membawa bersama beberapa tiub dan rantai simpanan semasa bertolak. Akhirnya, gunakan beg yang kukuh untuk membungkus dengan selamat!

Adakah perlu untuk memakai Seluar Basikal Khas Semasa Berbasikal Jarak Jauh?

Tunggangan jarak jauh boleh menyebabkan ketidakselesaan pinggang dan geseran peha dalaman bahagian atas boleh menyebabkan kerosakan kulit. Kedua-dua ini boleh membuat penunggang berasa tidak selesa tetapi penggunaan seluar khas boleh mengurangkan masalah ini. Jadi jangan abaikan manfaat seluar khas dalam tunggangan jarak jauh.

Adakah belajar menggunakan kelajuan berubah-ubah itu penting?

"Kelajuan Berubah-ubah" membolehkan anda menyelesaikan misi mustahil! Ambil sebagai contoh gabungan frekuensi menginjak 50 putaran seminit, dengan 34 gigi Roda Rantai Besar (Chainwheel), 12 gigi Gigi Gear(Freewheel). Kelajuan sekitar 18 kilometer sejam. Sekiranya anda berasa basikal anda terlalu cepat atau terlalu berat, anda boleh meningkatkan bilangan gigi pada gigi gear melalui derailleuer belakang atau mengurangkan bilangan gigi pada roda rantai besar melalui derailleuer hadapan (jimat tenaga dan masa). Sekiranya anda berasa terlalu perlahan atau terlalu ringan, cuba operasi yang berlawanan. Namun begitu, jangan sekali-kali tundukkan kepala pandang ke arah pemegang kerana meninggalkan penglihatan dari lalu lintas di hadapan adalah amat berbahaya! Anda harus rasakan ringan berat waktu menginjak melalui kaki anda.

Apabila kusyen pelana itu tebal dan lembut, anda tidak akan berasa sakit pada punggung anda?

Kusyen pelana yang tebal dan lembut sesuai untuk menunggang dalam posisi duduk tegak, seperti basikal bandar yang biasa digunakan untuk jarak pendek, atau dikenali sebagai basikal wanita. Jika digunakan dalam perjalanan jarak jauh, hujung hadapan yang lebar boleh menyebabkan kulit paha dalaman mengelupas, dan lengkungan pada hujung belakang akan menyebabkan kebas pada bahagian bawah badan.





Aturan Jadual Perjalanan



Adalah disyorkan agar penunggang memulakan perjalanan beliau dari Taipei dan mengikut jadual itinerari menghala selatan dalam satu arah lawan jam dengan menunggang melalui bahagian barat Taiwan; kemudian menunggang menghala ke utara melalui Timur Taiwan, memandangkan kesukaran laluan itu meningkat secara beransur-ansur.

Terdapat ratusan sebab untuk berbasikal mengelilingi pulau, seperti mencabar diri sendiri, memahami Taiwan secara lebih mendalam, atau sekadar mencari erti kehidupan sebenar. Oleh itu, tidak ada corak standard untuk perancangan jadual perjalanan harian, dan adalah disyorkan agar perjalanan harian anda menggabungkan aktiviti kecergasan fizikal di samping turut berseronok menikmati tarikan pemandangan indah yang dijangkakan, makanan enak dan penginapan.

Mengelilingi sekitar pulau adalah latihan ketahanan jangka panjang, suplemen air, diet normal dan tidur yang cukup adalah amat penting. Secara umumnya, orang dewasa perlu minum 2 liter air atau ke atas sehari, dan ini perlu ditambah semasa perjalanan mengelilingi pulau. Dan yang paling penting, mereka mesti minum sebelum merasa dahaga, dan minum minuman sukan yang dicairkan untuk menambah elektrolit sekiranya perlu.

Bagi diet anda, sarapan dan makan malam haruslah semudah mungkin dan tidak perlu terburu-buru. Dalam perjalanan, makan hidangan kecil dengan lebih kerap sebagai satu prinsip dan simpan makanan suplemen bertenaga yang mencukupi (seperti coklat, jeli, bar tenaga) bersama anda untuk mengelakkan pening yang disebabkan oleh paras gula darah yang rendah.

Terdapat pelbagai pilihan tempat penginapan, anda boleh memilih dari asrama sekolah yang ringkas, sehingga hotel bertaraf lima bintang yang mewah. Walau bagaimanapun, tidak mengira pilihan penginapan anda, anda mesti berehat secukupnya untuk mengatasi kelelahan melampau, yang merupakan perkara terpenting. Di samping itu, kena pastikan ada tempat yang selamat untuk letak basikal dan mencuci pakaian anda.

Adakah selamat Untuk Berbasikal Pada Waktu Malam?

Walaupun terdapat lampu amaran hadapan dan belakang, adalah merbahaya untuk berbasikal pada waktu malam. Kota yang anda tidak biasa membawa banyak ketidakpastian kepada pelawat pada waktu malam. Oleh itu, semasa merancang laluan perjalanan, adalah terbaik sekiranya anda tiba di destinasi sebelum gelap dan berehat untuk malam itu.



Balai Polis Adalah Rakan Kongsi Terbaik Dalam Perjalanan Anda

Terdapat banyak balai polis di Taiwan yang juga berfungsi sebagai tempat rehat penunggang basikal. Jika anda memerlukan bantuan (kesukaran, keuzuran) dalam perjalanan mengelilingi pulau, balai polis adalah tempat yang akan menyambut anda dengan mesra. Tip: Buku Panduan ini menyediakan alamat dan nombor telefon semua balai polis yang terdapat sepanjang perjalanan anda mengelilingi pulau, segmen demi segmen.

Menambah Keseronokan sambil Berbasikal Mengelilingi Pulau dengan Keretapi Laju Taiwan (THSR) dan Pentadbiran Keretapi Taiwan (TRA)

Taiwan mempunyai rangkaian keretapi sekeliling pulau yang baik yang turut menawarkan perkhidmatan mengangkut basikal. Oleh itu, dalam perjalanan mengelilingi pulau, anda boleh mengambil kesempatan menggunakan sambungan keretapi untuk menyempurnakan sesetengah bahagian perjalanan anda. Sebagai contoh, disebabkan risiko tinggi menunggang di seksyen Hualien-Toucheng di Lebuhraya Suhua, pengembara boleh menggunakan pengangkutan keretapi untuk sambungan perjalanan.

Tip: Untuk maklumat mesra basikal dan notis penting, sila rujuk kepada Bab tentang Peralatan Praktikal dari Buku Panduan ini.

Barangan Peribadi

Kekal ringan dan membawa apa yang penting adalah strategi persediaan terbaik untuk Perjalanan Mengelilingi Pulau.

Pakaian Peribadi

<topi keledar>

Pastikan topi keledar yang anda pilih dilabelkan dengan tanda kelayakan.



<Cermin Mata>

Pastikan cermin mata yang anda pilih lengkap dengan fungsi anti-UV, tahan angin, dan tahan debu.

<Jeri Berbasikal dan Seluar Berbasikal>

Direkakhas untuk penunggang basikal, fabrik itu boleh tembus udara dan kalis kelembapan. Sekiranya anda memilih pakaian sukan biasa, awas terhadap seluar yang longgar kerana ia mudah terjerat dalam rantai dan roda basikal.



<Jam Basikal>

Sila pilih jam basikal yang dapat mengira data seperti kelajuan dan jarak tunggangan basikal.

<Penutup Kepala, Sarung Lengan, Sarung Tangan>

Pastikan penutup kepala, sarung lengan dan sarung tangan yang anda pilih boleh melindungi anda dari pancaran cahaya matahari terus.

<Kasut Sukan>

Pertandingan profesional menggunakan kasut tanpa klip yang dipasang dengan tali hentap cepat untuk lebih banyak pindahan kuasa kayuhan. Jika memakai kasut sukan biasa, pastikan anda mengetatkan tali kasut dengan rapi untuk menghalang mereka daripada tersangkut dalam gear basikal.



Barangan Peribadi

Oleh kerana hampir semua kawasan di Taiwan sudah dikira amat maju, anda boleh memperolehi semua jenis keperluan harian dan bekalan dengan mudah. Kecuali pakaian tebal untuk musim sejuk, pastikan barangan peribadi anda dikurangkan sebanyak mungkin untuk mengurangkan beban.

<Barangan Peribadi>

Bergantung kepada musim perlepasan, dua atau tiga set pakaian adalah perlu untuk memanaskan diri, termasuk jaket penahan angin dan baju hujan ringkas, sesuatu yang wajib. Barang tandas disediakan di kebanyakan hotel dan tempat penginapan. Satu beg kalis air disyorkan untuk telefon mudahalih dan lain-lain peranti. Voltan standard di Taiwan adalah 110V dengan frekuensi 60Hz, sebelum berlepas, sahkan samada peralatan elektrikal anda sesuai untuk tunggangan jarak jauh. Tunggangan jarak jauh mendedahkan badan dan kulit anda kepada matahari untuk masa yang lama, jadi krim penahan matahari adalah penyelesaian paling mudah. Kebanyakan hotel dan restoran menerima kad kredit, walaubagaimanapun sesetengah perniagaan kecil di kawasan terpencil seperti pasar malam hanya menerima wang tunai. Penting untuk diingati bahawa pembelian di Taiwan dibuat menggunakan New Taiwan Dollars (NTD).

Menurut laluan yang diatur dalam panduan ini, setiap titik bekalan dijarakkan setiap 20 kilometer. Memandangkan berbasikal jarak jauh akan memerlukan banyak kalori, jadi sila sediakan makanan ringan seperti roti, pisang, biskut, dan lain-lain.

<Peralatan Manual>

Anda dicadang untuk pilih peralatan manual pelbagai fungsi, seperti set peralatan manual 25 dalam 1 yang terdapat di pasaran. Peralatan pelbagai fungsi ini memudahkan pembaikan dan penyelenggaraan ringkas. Dengan adanya tuil tayar dan pam mini, masalah tayar pancit dapat diatasi dengan mudah.



Selamat tinggal Taipei - Menjauhkan diri dari Taipei yang hiruk-pikuk.

Laluan: Taipei > Sanxia > Jalan Lama Daxi > Shimen > Tokong Guanxi > Hsinchu

Jalan Utama: Lebuhraya Wilayah 3 > Jalan Desa 118


Panduan Laluan: Dengan jalan gunung yang berliku-liku, penunggang mesti menuruni lereng bukit dengan perlahan. Anda dapat mencuba pelbagai jenis makanan ringan tempatan sepanjang perjalanan ini. Lawatilah Jalan Lama Sanxia yang merupakan jalan lama paling panjang di Taiwan, bergambar di Empangan Shimen, dan cuba ais jelai rumput herba di Tokong Guanxi selepas sehari suntuk lelah menunggang basikal.

Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

3 23km 新北Kota Baru Taipei – Jalan Lama Sanxia

24°56'00.3"N 121°22'10.8"E

Jalan Lama Sanxia sepanjang 260 meter adalah jalan lama terpanjang di Taiwan. Seni binanya dipelihara dengan baik sejak tahun awal Republik China. Jalan Lama dengan reka bentuk lama membangkitkan perasaan nostalgia.



3 54km > 3乙 8km桃園Taoyuan – Empangan Shimen

24°48'38.3"N 121°14'39.0"E

Empangan Shimen merupakan salah satu empangan yang paling penting di utara Taiwan. Pemandangan tasik dan gunung-ganang yang indah dapat dinikmati sepanjang tahun, lanskap yang cukup megah sekali. Terdapat lebih daripada sedozen tarikan pelancong yang bersambung dengan kawasan itu, terdapat juga laluan berbasikal dan kapal layar menyusuri sekitar tasik itu.



3 77km新竹Hsinchu – Boulevard Pemandangan Indah Qiedong

24°46'33.8"N 120°57'13.4"E

Boulevard Pemandangan Indah Qiedong digelar sebagai salah satu daripada lapan pemandangan malam terkemuka di Daerah Hsinchu dan merupakan boulevard pemandangan indah pertama yang dibina di Hsinchu. Dengan pencahayaan intensif dan rekabentuk jambatan artistik, pengunjung dapat melihat panorama indah Kota Hsinchu dari jauh dari dek pemerhatian dan kawasan rekreasi yang disediakan.



Tip-tip: Laras jadual perjalanan mengikut keadaan.

Pada hari pertama perjalanan mengelilingi pulau, jangan lupa untuk memeriksa dengan teliti keadaan basikal anda, kecergasan fizikal anda dan rancang untuk perlepasan. Sepanjang itinerari, peruntukkan tahap kelajuan dan waktu rehat yang sewajarnya,kekalkan mood gembira untuk melengkapkan tunggangan dalam keadaan terbaik!



Depot Penjagaan Kesihatan/ Penyelenggaraan Basikal

- Basikal Giant Cawangan Beida**
No. 63, Fuxing Rd., Sanxia Dist.,
New Taipei City
02-2674-6035
- Hospital En Chu Kong**
No. 399, Fuxing Rd., Sanxia Dist.,
New Taipei City
02-2672-3456
- Basikal Giant HsinChu Zhonghua**
No. 124, Sec. 1, Zhonghua Rd., East Dist.,
Hsinchu City
03-535-3398
- Hospital Besar Cathay Hsinchu**
No. 678, Sec. 2, Zhonghua Rd., East Dist.,
Hsinchu City
03-527-8999

Tambah Semula Tenaga Anda

«Kek Nanas»

Nanas banyak didapati di Taiwan pada musim panas. Kek dengan isi nanas adalah makanan ringan tempatan popular yang pelancong luar negara mesti cuba rasai. Kulit pastri rangup berwarna kuning keemasan dan isi nanas yang manis dan masam, amat enak sekali. Kek nanas yang berpakej kecil senang dibawa, ia amat sesuai dijadikan bekalan makanan suplemen semasa perjalanan bagi penunggang basikal.



Boulevard Pemandangan Indah Qiedong


Tempat Membaiki Basikal
 $24^{\circ}48'59.2''N$
 $120^{\circ}59'36.9''E$

Kota Hsinchu *

Hospital Besar Cathay
 $24^{\circ}47'53.9''N$
 $120^{\circ}57'55.2''E$

Kawasan Rehat

- 3 25.5km**
Kedai Serbaneka Hi-Life
No. 331-1, Sec. 2, Zhongzheng
Rd., Sanxia Dist., New Taipei
City "
- 3 23km**
Balai Polis Sanxia
No. 38, Minquan St., Sanxia
Dist, New Taipei City
02-2671-1254
- 3z 42km**
Balai Polis Shimen
No. 230, Wenhua Rd., Jia'an Vil.,
Longtan Dist., Taoyuan City
03-471-2021





Pejabat Pentadbiran Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Pantai Utara & Guanyinshan



Lebuhraya Pantai Utara mendedahkan banyak lanskap geomorfologi yang indah berserta deruan angin laut sepanjang pantai itu. Kawasan pemandangan indah yang terkenal boleh dilihat sepanjang itinerari seperti QianShuiWan, Teluk Baisha, Tanjung Fuguei, Jinshan, Yehliu, dan FeiCuiWan.

Perkhidmatan Maklumat Pelancongan

Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan
Pantai Utara & Guanyinshan
Rangkaian Maklumat Pelancongan



野柳地質公園 Taman Geologi YehLiu

25°12'23.7"N 121°41'25.7"E

Salah satu tempat rekreasi yang penting di Utara Taiwan adalah struktur formasi geologi batu pasir yang menonjol keluar dari laut, yang terhasil akibat daripada hakisan air laut dalam jangka masa yang panjang sehingga terbentuk formasi sedemikian dari batu-batuan semulajadi.



Lorong Basikal WanTa adalah lorong basikal di sepanjang Lebuhraya Wilayah 2 dari Teluk Baisha di Daerah Shimen. ia akan melalui Shimen Wedding Plaza Shimen serta Pelabuhan Perikanan Fuji, dan berakhir di Taman Tanjung Fuguei. Di sebelah taman adalah Terumbu Hijau Laomei yang terkenal, dan dalam taman tersebut adalah Rumah Api Tanjung Fuguei yang merupakan poin paling utara di Taiwan.

Jarak keseluruhan adalah 3km

Teluk Baisha> Shimen Wedding Plaza > Pelabuhan Perikanan Fuji >
Taman Tanjung Fuguei



Pusat Pelawat Teluk Baisha (Pentadbiran)

No. 33-6, Xiayuankeng, Demau Vil., Shimen Dist., New Taipei City
02-8635-5100

Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Teluk QianShui & Teluk Baisha menawarkan perkhidmatan perkongsian dan sewa basikal awam UBike.



Lorong Basikal ShanZhi (ShuanWan)



Jalan desa yang asal dan jalan papan kayu sepanjang pantai telah dirombak semula menjadi sebuah lorong basikal, anda dapat menikmati pemandangan semula jadi dari Sanzhi ke Shimen, termasuk tokong-tokong berciri istimewa dan lanskap semulajadi seperti Tanjung LinShan, Teluk Baisha, dan zon terumbu alga.

Jarak keseluruhan 8 kilometer

ShanZhi QianShuiWan> DaTianLiao> Pelabuhan Perikanan Shimen LinShanBi> Teluk Baisha

Pusat Pelawat Teluk Baisha

No. 33-6, Xiayuankeng, Demau Vil., Shimen Dist., New Taipei City
02-8635-5100

Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

QianShuiWan, Teluk Baisha menawarkan perkhidmatan perkongsian dan sewa basikal awam Ubike, dan di pusat bandar ShanZhi perkhidmatan sewa basikal boleh didapati.

白沙灣 Teluk Baisha

25°17'03.8"N 121°31'01.9"E

Ia diberi nama sempena butiran pasirnya yang putih dan juga cebisan kulit kerang, dan disambung bersama oleh Tanjung Lin Shan dan Tanjung Fugui. Teluk berbentuk separuh bulan yang semulajadi ini adalah sebuah kawasan mainan air yang popular di utara Taiwan semasa musim panas.



Lorong Basikal JinShanWanLi (WanLi)

Anda dapat hayati, pemandangan laut, desa nelayan di sepanjang lorong basikal WanJin yang teduh, melalui lorong basikal papan kayu dan kawasan Hutan Hitam Casuarina untuk menyegarkan kembali semangat. Di samping itu, anda juga dapat menikmati makanan ringan tempatan di Jalan Lama Jinshan dan Mata Air Panas Wanli di Jinshan.

Jarak keseluruhan adalah 15km

Tapak Papan Luncur Antarabangsa ZhongJiao > Jambatan HuangGang > Pusat Kegiatan Belia JinShan > Jambatan Sungai Yuantan > Lorong Papan Kayu Daerah Wanli > Kawasan Hutan Hitam Casuarina > Loji Kuasa Nuklear Taiwan II > YehLiu > FeiCuiWan

i Pusat Pelawat JinShan (Pejabat YehLiu)

No. 171-2, Huanggang Rd., Jinshan Dist., New Taipei City
02-2498-8980

Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Teluk ZhongJiao, kawasan bandar JinShan dan Taman Geologi YehLiu menawarkan perkhidmatan perkongsian dan sewa basikal UBike.

中角灣國際衝浪基地

Tapak Papan Luncur Antarabangsa Teluk ZhongJiao

25°14'23.2"N 121°38'01.8"E





Hari Kedua: Masuk ke Kota Angin: Menunggang melawan arah angin

Tip-tip

Setiap tahun musim monsun timur laut di Taiwan bermula dari bulan Oktober hingga Mac, sila berhati-hati mungkin terdapat angin lintang yang kuat di bahagian lebuhraya pantai.

Laluan: Hsinchu > Zhunan > Houlong > Tongxiao > Yuanli > Dajia > Qingshui > Shalu > Taichung

Jalan Utama: Lebuhraya Wilayah 61> Lebuhraya Wilayah1> Lebuhraya Wilayah 12

Panduan Laluan: Tunggang atas Lebuhraya Wilayah 61 di barat Taiwan. Penunggang perlu menggunakan daya sekuat mungkin dalam menginjak sepanjang kawasan pesisiran pantai yang berangin kencang, tetapi jangan habiskan banyak tenaga di sini, simpan sedikit tenaga untuk menghadapi cabaran di Dataran DaDu (walaupun ketinggiannya dari paras laut hanya 200m) yang agak berangin. Selepas sampai di puncak, bermakna anda berjaya tiba di Kota Taichung yang cerah dan kaya dengan budaya.

Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

61 109km 後龍Houlong – Tanjung Haowang

24°36'09.7"N 120°43'51.9"E



Dikatakan bahawa Haowangjiao di Daerah Houlong adalah tempat pengumpulan tenaga angin yang paling padat di Taiwan. Kincir angin gergasi di tengah langit biru dengan awan putih membentuk pemandangan yang indah sekali.

61 125.5km 通霄Tongxiao – Muzium Taiyen

24°33'23.0"N 120°42'15.4"E



Muzium Taiyen adalah kilang pelancong yang memaparkan satu proses pengeluaran garam yang unik. Muzium ini adalah percuma, dan adalah kilang pelancong pertama di Taiwan yang menggabungkan proses pengeluaran garam berteknologi tinggi dengan pendidikan mengenai industri garam di Taiwan.

1 153.5km 臺中Taichung – Tokong Jenn Lann

24°20'43.1"N 120°37'24.8"E

Tokong Jenn Lann, Dajia dibina pada tahun 1730 dan terkenal dengan Perarakan Keagamaan Mazu Dajia yang diadakan pada bulan lunar ketiga setiap tahun. Pada waktu ini, beratus-ratus penganut berduyun-duyun datang ke tokong dari merata tempat untuk merayakan harijadi Mazu , Dewi Laut.



攝影 陳國正

12 20 km 臺中Taichung – Calligraphy Greenway

24°08'54.2"N 120°39'53.0"E

Lorong Taman sepanjang 3.6 kilometer ini terletak di pusat bandar Taichung, bermula dari Muzium Kebangsaan Sains Semulajadi di utara sehingga ke Lorong Taman CMP, dan ke Lorong Taman MeiShu di selatan. Ia adalah sebahagian daripada satu rangkaian ruang hijau perbandaran.



Tip-tip: Bagaimana untuk Mengurangkan Sakit Pinggang

Kunci pertama untuk mengurangkan sakit punggung adalah dengan mengagihkan berat badan secara sekata merentasi pemegang, pelana, dan pedal. Kedua, pilih pelana dan seluar basikal yang sesuai dengan keperluan anda. Ketiga, laraskan postur anda semasa menunggang, sebagai contoh, anda boleh memilih untuk berdiri semasa menaiki lereng landai. Dengan cara ini, anda dapat menggunakan kumpulan otot berlainan dalam badan anda.



Depot Penjagaan Kesihatan/ Penyelenggaraan Basikal

***** Basikal Aishman

No. 293-3, Zhongshan Rd., Yuanli Township, Miaoli County
03-786-7588

+ Hospital Besar Lee

No. 168, Heping Rd., Yuanli Township, Miaoli County
03-786-2387

***** Basikal Giant Cawangan Dajia

No. 482, Jingguo Rd., Dajia Dist., Taichung City
04-2676-5915

+ Hospital Besar Veteran Taichung

No. 1650, Sec. 4, Taiwan Blvd., Xitun Dist., Taichung City
04-2359-2525#9



Tambah Semula Tenaga Anda

«Teh Susu Mutiara (Bubble Tea)»

“Bebola Mutiara” dibuat daripada tepung ubi kayu, yang dibancuh dalam teh susu beraroma dalam cawan, dan menjadi teh susu mutiara (bubble tea). Ia adalah minuman popular yang boleh didapati dengan mudah di seluruh Taiwan, amat menyegarkan dan merupakan minuman Taiwan yang tidak boleh dilepaskan.



Kawasan Rehat

61 99.4km

Kedai Serbaneka 7-Eleven
No. 6, Longwen Rd., Houlong Township, Miaoli County

1 153km

Kedai Serbaneka Hi-Life
No. 407, Jingguo Rd., Dajia Dist., Taichung City

1 124.5km

Balai Polis Baisha
No. 133, Baidong Vil., Tongxiao Township, Miaoli County
03-779-2134

1 160km

Balai Polis Santian
No. 559, Zhongshan Rd., Qingshui Dist., Taichung City
04-2622-2146





Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan ShiTouShan terletak di daerah Hsinchu dan Miaoli. Ini adalah salah satu daripada tiga kawasan pemandangan indah utama di Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Canshan, dan kaya dengan sumber pelancongan. Ia adalah tempat di mana anda dapat menemui pemandangan topografi ShiTouShan yang unik, permukaan seakan-akan cermin di Tasik Emei, dan juga tempat pertembungan harmoni pelbagai budaya Hakka, Han dan Orang Asli.

Perkhidmatan Maklumat Pelancongan

Rangkaian Maklumat Pelancongan Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Canshan



南庄老街 Jalan Lama Nanzhuang

24°35'56.5"N 120°59'57.0"E

Rumah kayu gaya lama di Lorong Osmanthus dan satu-satunya pejabat pos lama daripada kayu yang masih tinggal di seluruh Taiwan, dari Era Penjajahan Jepun, dengan gaya nostalgianya menarik pelawat untuk datang dan mengalami suasana kedesaan Hakka yang tebal.



Laluan lorong basikal akan mengelilingi Tasik Emei. Anda dapat menikmati keindahan tasik yang tenang, menghayati kecantikan burung bangau dan ekologi burung hijrah dan burung air. Pada awal musim panas, banyak kelip-kelip yang berterbang, di samping banyak bunga Paulownia yang berkembang mekar, menyajikan satu pemandangan yang mengasyikkan bak salji putih yang ditutup angin sepoi-sepoi.

Jarak keseluruhan adalah 7km

Lorong Basikal Tepi Tasik > Jambatan Gantung XiMaoPu > Tokong Tianan Maitreya > Taman Pertanian Riadah Twelve Laos > Lorong Basikal Tepi Tasik

i Pusat Pelawat Shishan

No. 60-8, Liuliao, Qixing Vil., Emei Township, Hsinchu County
03-580-9296

i Pusat Pelawat Nanzhuang


No. 43, Datong Rd., Nanzhuang Township, Miaoli County
03-782-4570

細茅埔吊橋 Jambatan Gantung XiMaoPu

24°41'02.0"N 120°59'16.9"E

Anda boleh menunggang basikal melalui Jambatan Gantung XiMaoPu yang merentasi empangan dan melihat pemandangan ShiTouShan dan WuZhiShan dari jauh, yang amat cantik dan merupakan pengalaman yang sangat istimewa.





Hi, Kampung Pelangi! Memori satu lawatan penuh nostalgia yang sukar dilupakan

Laluan: Taichung > Changhua > Yuanlin> Beidou > Xiluo > Dounan > Minxiong> Chiayi

Jalan Utama: Lebuhraya Wilayah 1

Panduan Laluan: Laluan menunggang hari ini kebanyakannya adalah kawasan rata dan juga akan melalui banyak tempat lawatan yang terkenal. Oleh itu, anda disyorkan supaya merancang lebih banyak tempat untuk berhenti rehat seketika untuk mengambil gambar. Anda dinasihat supaya berhati-hati dengan situasi lalu lintas yang sesak di Lebuhraya Wilayah 1. Pastikan patuhi arahan papan tanda, ambil perhatian keadaan lalu lintas apabila anda menghampiri pusat bandar, dan gunakan isyarat tangan untuk memberi isyarat kepada kenderaan di belakang anda.

Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

1 > 12 109km 臺中Taichung – Kampung Pelangi

24°08'02.2"N 120°36'36.0"E

Graffiti berwarna-warni meliputi dinding dan rumah perkampungan lama ini. Di bawah inspirasi daripada seorang bekas askar yang berbakat dan amat berkemahiran bernama Huang Yung-Fu, kampung lama ini telah ditransformasi menjadi sebuah dunia ajaib penuh warna-warni.



1 191.5km 彰化Changhua – Sky walk

24°04'36.1"N 120°32'57.4"E

Skywalk BaGuShan setinggi 3 tingkat dan melintasi Jalan Bagua. Skywalk yang cantik dan unik ini menjadi tumpuan baru di kawasan Buddha Besar.



1 214km 田尾Tianwei – Taman Lebuhraya

23°53'46.0"N 120°31'52.5"E

Pelbagai jenis bunga yang indah tumbuh di sepanjang Lebuhraya Tianwei. Nikmati lautan bunga yang indah mekar di kedua-dua sisi jalan raya dari bulan Disember hingga Februari setiap tahun.



1 224.5km 雲林Yunlin – Jambatan Xiluo

23°48'49.6"N 120°27'40.0"E

Meru tanda Pekan Xiluo adalah Jambatan Xiluo yang siap dibina pada tahun 1952, ia merentasi sungai terpanjang Taiwan, Sungai Zhuoshui, dikenali jambatan kedua terpanjang di dunia, belakang Jambatan Golden Gate di San Francisco.



1 265.5km 嘉義Chiayi – Stesen Beimen

23°29'15.6"N 120°27'16.7"E

Stesen Beimen adalah titik permulaan landasan keretapi Alishan dan tempat pengumpulan/pengedaran barang Alishan. Kampung Hinoki berdekatan merupakan taman hutan pertama yang menggabungkan budaya dan kreativiti di Taiwan.





Depot Penjagaan Kesihatan/ Penyelenggaraan Basikal

- + Hospital Memorial Show Chwan
No. 542, Sec. 1, Zhongshan Rd., Changhua City, Changhua County
04-725-6166
- * Pusat Basikal-HeiPiHuanHua(pinyin)
No. 372, Sec. 1, Zhongshan Rd., Changhua City, Changhua County
04-711-4188
- + Hospital Universiti Kebangsaan Taiwan, Cawangan Huwei, Yunlin
No. 95, Xuefu Rd., Huwei Township, Yunlin County 05-633-0002
- * Syarikat Aksesori Basikal ShengXin (pinyin)
No. 119, Sec. 2, Linsen Rd., Huwei Township, Yunlin County 05-631-0199

Tambah Semula Tenaga Anda

«Nasi Ayam Belanda Chiayi»

Dengan menggunakan ayam belanda berlemak rendah dan berprotein tinggi, kepingan daging disiat atau dihiris dan dihidang dengan nasi putih dililiti kuah enak.



Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Pantai Barat Daya

Lorong Basikal BeiMen





Tapak pembangunan terawal nenek moyang yang merentasi laut dan datang ke Taiwan, jadi tanah ini memiliki banyak peninggalan manusia dan budaya, lanskap geomorfologi dan lain-lain topografi. Anda dapat melihat ekologi yang kaya dengan ikan lumpur, ketam, hutan pokok bakau dan burung sekundi-sudu muka hitam yang jarang dilihat juga akan terbang melalui kawasan ini setiap tahun. Ia juga merupakan pekan mengembang budaya industri garam Taiwan yang penting. Pesta garam tahunan yang diadakan setiap tahun, sentiasa menarik ramai pelancong dari dalam dan luar negara.

Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

東石漁人碼頭 Dermaga Nelayan DongShi

23°27'07.9"N 120°08'13.3"E

Produk perikanan segar dan pemandangan matahari terbenam yang indah adalah daya tarikan pelancong di Dermaga Nelayan Dongshi, yang menghasilkan imej bertema yang unik, yang menggabungkan fungsi asal pelabuhan perikanan dan juga menyediakan berbagai kawasan untuk berehat.



布袋鹽田 Ladang Garam BuDai

23°22'52.8"N 120°10'08.4"E

Budai mula membuka ladang garam semasa pemerintahan Maharaja Qianlong dari Dinasti Qing dan dalam tahun keitga pemerintahannya (1823), Wu Shang Xin, seorang pedagang garam yang kaya telah membuka ladang garam di Yancheng, yang sekaligus telah meletakkan batu asas untuk industri pengeluaran garam di Budai.



四草綠色隧道 Terowong Hijau SiCao

23°01'10.7"N 120°08'10.1"E

Kawasan bakau di longkang belakang Tokong Sicao Dazhong. Tokong ini dipagari dengan satu hutan bakau utama yang berusia lebih dari setengah kurun di sisinya, sekaligus membentuk pemandangan seolah-olah terowong, yang dikenali sebagai "Hutan Amazon Mini".



Perkhidmatan Maklumat Pelancongan

Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Pantai Barat Daya- Rangkaian Maklumat Pelancongan



Lorong Basikal Tanah Paya AoGu



Tanah paya AoGu menyediakan persekitaran hidup yang sangat baik untuk haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Dianggarkan terdapat lebih daripada 200 spesies burung menghuni di kawasan ini. Terdapat 8 dek pemerhatian, 6 kotak pembetung mini untuk pemerhati burung dan 5 dinding pemerhati burung jenis kantilever dan kemudahan lain di taman untuk memudahkan orang ramai memerhati burung hijrah secara dekat di tanah paya ini.

Jarak keseluruhan adalah 14.3km

Pusat Pameran Ekologi Alam Semulajadi DongShi>Lorong Basikal Tanah Paya AoGu

i Pusat Pameran Ekologi Alam Semulajadi DongShi

No. 54, Sigu, Aogu Vil., Dongshi Township, Chiayi County 05-3601801

Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal di Lorong Basikal Tanah Paya AoGu disediakan oleh Persatuan Komuniti Sigu

鰲鼓濕地 Tanah Paya AoGu

23°30'23.3"N 120°07'09.3"E

Kawasan Taman Hutan Tanah Paya Aogu adalah satu poin berhenti rehat yang penting dalam laluan burung hijrah dari rantau Asia-Pasifik dan satu tarikan pemerhatian burung yang utama sepanjang pantai barat daya Taiwan.



Lorong Basikal BeiMen

Jejak ini menghubungkan tarikan pelancong di Beimen, Tainan dari kawasan pusat bandar Daerah Beimen ke Jingzijiao. Terokai budaya dan pemandangan ekologi kampung nelayan dan ladang garam di Beimen. Bahagian lorong pemerhatian ekologi ini amat selesa bagi pelawat menyaksikan Tanah Paya Beimen yang kaya dari segi ekologi dari jarak dekat.

Jarak keseluruhan adalah 3km

Kedai Runcit QianLaiYe> Pusat Peringatan Perkhidmatan Komuniti-Perubatan Penyakit Kaki Hitam Taiwan>Pusat Pelawat BeiMen> Gereja Kristal BeiMen> Kawasan Pemandangan Indah Kolam Garam> Lagun BeiMen> Ladang Garam Wapan Jingzijiao

i Pusat Pelawat Beimen

No. 200, Beimen VII, Beimen Dist., Tainan City 06-7861017

Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Boleh menghubungi pemilik industri homestay tempatan BeiMen.

井仔腳瓦盤鹽田 Ladang Garam Wapan Jingzijiao

23°15'34.4"N 120°06'30.2"E

Ini adalah ladang garam pertama di Beimen, tempat peninggalan ladang garam tertua yang masih wujud di Wapan, mempunyai sejarah melebihi 200 tahun.





Amat Disyorkan Puli: Kewangian Wain Yang Ditapai, Tradisi Merentasi Banyak Generasi

Laluan : Taichung > Puli > Tasik Sun Moon

Jalan Utama: Taichung>Lebuhraya Wilayah 1> Lebuhraya Wilayah 14> Lebuhraya Wilayah 21> Tasik Sun Moon

Panduan: Bertolak ke Tasik Sun Moon, masuk ke jalan Huanhu di Daerah Nantou. Jalan Huanhu adalah jalan pesisir mengelilingi Tasik Sun Moon yang terdiri daripada Lebuhraya Wilayah 21 dan Lebuhraya Wilayah 21A, dengan jumlah jarak sepanjang 30km. Jika anda bertenaga penuh, boleh mencabar misi tersebut ataupun memilih lorong basikal Tasik Sun Moon. Selagi kekuatan kaki anda masih bertahan, anda boleh mengelilingi tasik dalam masa setengah hari!

Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

14 46km 埔里Puli – Kilang Wain Puli

23°58'06.0"N 120°57'38.4"E

Dikendalikan oleh Syarikat Tembakau dan Wain Taiwan, kini Kilang Wain Puli berjaya ditransformasi menjadi sebuah kilang wain pelancong, dan Muzium Budaya Wainnya dibuka kepada orang awam untuk mencuba wain dan memperkenalkan ciri-ciri wain Shaoxing dan budaya meminum wain yang terkenal di Puli.



21 58km 南投Nantou - Tokong Memorial ZhuGeLiang

23°53'32.5"N 120°55'14.3"E

Tokong Memorial ZhuGeLiang adalah tokong pertama yang dibina di Taiwan sempena memperingati ZhuGeLiang (seorang negarawan terkenal semasa era Kisah Tiga Kerajaan) dan GuanYu (seorang jeneral terkenal era Kisah Tiga Kerajaan). Di tokong ini, anda dapat menjumpai patung ZhuGeLiang yang berdiri setinggi 30 meter!



21 60km 魚池Yuchi – Tasik Sun Moon

24°04'36.1"N 120°32'57.4"E

Terletak di Pekan YuChi, Daerah Nantou,Taiwan. Namanya berasal dari gabungan bentuk dua bahaginya: Tasik Sun & Tasik Moon.

Tasik Sun Moon bukan sahaja tempat tarikan pelancong antarabangsa yang terkenal, ia juga adalah tasik kedua terbesar di Taiwan dan tasik semulajadi terbesar yang digunakan sebagai loji tenaga hidro. Pemandangan Tasik Sun Moon yang indah telah membolehkannya dinobatkan sebagai salah satu daripada lapan kawasan pemandangan indah terkemuka di Taiwan!



Tip-tip: Jalan Raya HuanTan

Jika anda bertekad untuk mencabar topografi beralun Jalan Huanhu,dinasihat supaya memeriksa fungsi basikal dan sistem brek agar berada dalam keadaan baik sebelum bertolak, dan juga disyorkan agar orang yang lebih berpengalaman memimpin jalan di laluan ini.



Kawasan Rehat

- 14 17km**
Kedai Serbaneka Hi-Life
No. 1321, Bo'ai Rd., Caotun Township, Nantou County
- 14 36km**
Stesen GuoXin
No. 127, Sec. 1, Zhongzheng Rd., Guoxing Township, Nantou County
- 21 51km**
Family Mart
No. 23-7, Taomi Rd., Puli Township, Nantou County
- 21 65km**
Pusat Pelawat XiangShan
No. 599, Zhongshan Rd., Yuchi Township, Nantou County
049-234-1256

Tambah Semula Tenaga Anda

『Telur Rendaman dalam Wain ShaoXing』

Telur Rendaman dalam Wain ShaoXing menggunakan wain ShaoXing sebagai bes perasa utama untuk mengeluarkan satu bau lembut wain Shaoxing, dengan rasa yang enak dan beraroma, anda mesti mencubanya!



Depot Penjagaan Kesihatan/ Penyelenggaraan Basikal

- + Hospital Universiti Perubatan China Cawangan Caotun**
No. 140, Pingdeng St., Caotun Township, Nantou County
04-9232-1188
- * Basikal Giant (Melinda)**
No. 143, Bishan S. Rd., Caotun Township, Nantou County
04-9232-3606
- + Hospital Kristian Puli**
No. 1, Tieshan Rd., Puli Township, Nantou County
04-9291-2151
- * Basikal Giant JoyBike**
No. 257, Nanchang St., Puli Township, Nantou County
04-9298-9080
- * Basikal Giant Tasik Sun Moon**
1F, No. 163, Zhongshan Rd., Shuishe Vil., Yuchi Township, Nantou County
04-9285-6713

Taichung City



Terletak di kawasan pergunungan, kawasan yang indah dan unik ini seolah-olah mutiara bersinar yang tertanam di tengah Taiwan. Kawasan Pemandangan Indah merangkumi tempat seperti Chengcheng, Kampung Budaya Orang Asli Formosa, Gunung ShuiShe, Gunung Jiji, Empangan Mingtan, Loji Kuasa Daguan, Sungai ShuiLi, dan lain-lain tarikan pelancong. Keindahan Tasik Sun Moon terletak pada kedudukannya yang berselang-seli dengan gunung dan air, sama seperti gambar sebuah lanskap atau puisi, dengan wap air terapung atas permukaan tasik dan perubahan pemandangan pergunungan yang mengagumkan pada musim yang berbeza. Ia merupakan satu daripada lapan pemandangan paling terkenal di Taiwan.



Perkhidmatan Maklumat Pelancongan

Rangkaian Maklumat Pelancongan
Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan
Tasik Sun Moon



Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

日月潭纜車 Kereta Kabel Tasik Sun Moon

23°51'08.1"N 120°56'05.1"E

Kereta Kabel ini menghubungkan Ita Thao di Tasik Sun Moon dengan Kampung Budaya Orang Asli Formosa - sebuah taman tema yang memaparkan orang asli Taiwan dan mempunyai kepanjangan 1.87km. Menaiki kabel mengambil masa 7 minit membolehkan anda menghayati pemandangan indah pergunungan di sekitarnya, dan mereka yang gemarkan adventur boleh menaiki kabin hijau memandangkan kabin ini mempunyai lantai berkaca telus.



向山行政暨遊客中心 Pusat Pelawat XiangShan

23°51'04.2"N 120°54'07.8"E

Direka oleh kumpulan arkitek Jepun diketuai oleh Pakar Arkitek Norihiko Dan, bangunan ini menjadi bahagian lanjutan daripada lanskap Tasik Sun Moon, dan gaya seni binanya diharmoni dan disatukan dengan kawasan hijau sekitarnya. Bot kayu penuh nostalgia dalam kolam berjejer serta Kafe XiangShan amat popular dengan pelancong.



Lorong Basikal Tasik Moon



Bermula dari Pusat Pentadbiran Xiangshan dan sepanjang liku tebing selatan Tasik Moon, boleh ditemui berbagai lanskap ekologi dan hutan sepanjang jalan. Di bahagian tengah jejak ini anda juga dapat mengamati pemandangan Lembangan Toushe di selatan dan Banjaran Gunung Qinglong di utara, dan juga ladang pertanian yang bertaburan seperti catur yang bersepah.

Jarak keseluruhan adalah 4km

Pusat Pelawat Xiangshan > Empangan Toushe > Teluk Crescent > Pintu Masuk No. 1 Terowong HuanTuan

i Pusat Perkhidmatan Pelawat XiangShan

No. 599, Zhongshan Rd., Yuchi Township, Nantou County 049-234-1256

Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Boleh sewa basikal di Stesen Perkhidmatan Sewa Basikal XiangShan yang terletak di pepejuru Pusat Pelawat XiangShan.

玄奘寺 Tokong XuanZang

23°50'51.5"N 120°55'01.6"E

Tokong Xuanzang adalah replika bangunan bergaya Dinasti Tang. Plak dalam tokong itu ditulis oleh bekas Presiden Chiang Kai-Shek, dan terdapat gambar pengembaraan Xuanzang ke Barat serta tiga batu bersurat di dinding besar luar tokong ini.



Lorong Basikal XiangShan

Dua jambatan basikal atas air "Yongjie" dan "Tongxin" yang diperbuat daripada dua jeti keluli putih dan laluan kayu. Pengunjung menggunakan untuk melawat Pusat Pelawat Xiangshan yang paling popular untuk minum kopi Hui-Sun, dan telur teh herba sambil menikmati kecantikan pemandangan MingTan.

Jarak keseluruhan adalah 3.4km

Tempat Letak Kereta ZhongXin(pinyin) ShuiShe> Lorong Basikal di Atas Air > Empangan Shuishe> Jambatan YongJieTongXin(pinyin)> Pusat Pelawat XiangShan

i Pusat Membeli-Belah Shueishe

No. 163, Zhongshan Rd., Yuchi Township, Nantou County 049-285-6851

Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Basikal boleh disewa di sekitar kawasan membeli-belah ShuiShe, terdapat juga satu jalan pintas di pintu masuk Jambatan Tongxin yang menghubungkannya dengan stesen sewa basikal itu.

水社碼頭 Dermaga ShuiShe

23°15'34.4"N 120°06'30.2"E

Ia adalah satu daripada tiga dermaga utama di Tasik Sun Moon, dikelilingi oleh banyak kedai di Jalan Mingsheng dan Jalan Zhongshan yang sibuk dengan pelancong. Ia juga merupakan poin permulaan untuk pelancong menikmati pelayaran bot menyusuri tasik itu.



Tasik Sun Moon -Chiayi 94km



Amat Disyorkan Stesen Jiji- Nikmati gaya Jepun

Laluan: Tasik Sun Moon > Jiji > Chiayi

Jalan Utama: Tasik Sun Moon> Lebuhraya Wilayah 21> Lebuhraya Wilayah 16> Lebuhraya Daerah 139> Lebuhraya Wilayah 3C> Lebuhraya Wilayah 3> Lebuhraya Wilayah 1D> Lebuhraya Wilayah 1> Chiayi

Panduan: Hayati suasana bermisteri dengan kabus yang terbentuk dari wap air di permukaan tasik, dan pemandangan yang berubah-ubah tatkala matahari semakin meninggi. Ini adalah laluan jalan yang santai dan selesa, anda boleh menuruni bukit sambil menghayati pemandangan lanskap pergunungan indah dengan selesa. Ambil kesempatan mencuba popsicle tempatan yang terkenal semasa melalui Shuili, dan nikmati makanan enak di Jalan Lama Jiji untuk santapan tengah hari!

Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

16 18km 南投Nantou – Taman Kebudayaan Seramik Tanur Ular Shuili

23°48'04.0"N 120°51'51.9"E

Kawasan Taman Kebudayaan Seramik Tanur Ular Shuili telah diubah dari sebuah tanur lama, yang mengekalkan tanur pembakaran kayu yang tertua dan paling tradisional di Taiwan. Tanur ini melebihi 100m panjang dan dipulihara dengan baik. Ia dipanggil tanur ular kerana ia berbentuk seperti ular dan bahan bakar utama adalah kayu.



131 2.5km 南投Daerah Nantou – Stesen Checheng

23°49'57.4"N 120°51'58.0"E

Pada tahun 1916, untuk mengangkut gula yang dihasilkan oleh Kilang Gula Puli semasa zaman penjajahan Jepun, satu landasan keretapi yang ringkas telah dibina dari Puli ke Checheng, yang sekarang merupakan stesen terminal Jalan Keretapi Cawangan Jiji.



159 22km 嘉義Chiayi – Kampung Hinoki

24°08'54.2"N 120°39'53.0"E

Hinokichō, sekarang dipanggil Kampung Hinoki, pernah dijadikan sebagai asrama rasmi pada permulaan pembangunan industri Perhutanan Alishan dan telah menyaksikan jatuh naik industri perhutanan. Ia kini merupakan Taman Kebudayaan dan Kreativiti Perhutanan yang pertama di Taiwan.




Tip-tip: Bagaimana Mengeringkan Pakaian Anda dalam Sehari

Basuh jersi dan seluar berbasikal anda semasa mandi di stesen rehat. Pulas sekuat-kuatnya selepas membalut baju basikal dalam tuala, kemudian sidai bawah pengudaraan yang baik, ia akan kering pada keesokan pagi.



Depot Penjagaan Kesihatan/ Penyelenggaraan Basikal

- ★ Kedai Basikal Merida HongYi (pinyin)
No. 151, Wenhua Rd., Douliu City, Yunlin County
05-532-6179
- ✚ Hospital Universiti Kebangsaan Taiwan, Cawangan Yulin, Kawasan Hospital Douliu
No. 579, Sec. 2, Yunlin Rd., Douliu City, Yunlin County
05-532-3911
- ★ Basikal Giant, Cawangan Chiayi
No. 298, Linsen W. Rd., West Dist., Chiayi City
05-225-0923
- ✚ Hospital Chiayi, Kementerian Kesihatan dan Kebajikan
No. 312, Beigang Rd., West Dist., Chiayi City
05-231-9090



Tambah Semula Tenaga Anda

『Jalan Lama Jiji』

Terdapat pelbagai makanan tradisional yang sedap di Jalan Lama Jiji. Datanglah untuk mencuba dan merasai makanan citarasa tradisional kegemaran anda!



Kawasan Rehat

- 16 17km Kedai Serbaneka 7-Eleven No. 63, Sec. 1, Zhongshan Rd., Shuili Township, Nantou County
- 3 233km Kedai Serbaneka 7-Eleven No. 500, Daming Rd., Zhushan Township, Nantou County
- 21 68km Balai Polis Toushe No. 145, Pinghe Ln., Yuchi Township, Nantou County 04-9286-1013
- 3 247.5km Balai Polis Liuzhong No. 81, Shiliu Rd., Douliu City, Yunlin County 05-557-3651

Changhua



Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Canshan (BaGuShan)

Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan BaGuShan bermula dari Kota Changhua di sebelah utara, melintasi Pekan Huatan, Pekan Fenyuan, Pekan Ershui, dan Kota Nantou di selatan. Patung Buddha BaGuShanyang terkenal dan Tokong Nantian berdekatan serta Tokong HuShanyan, Tokong QingShuiYan, Bishanyan, Tokong Baozang, Tokong Tianshou dan Tokong Fengshan merupakan tempat tarikan keagamaan dan pelancong yang paling popular di Changhua.

Perkhidmatan Maklumat Pelancongan

Rangkaian Maklumat Pelancongan Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Canshan



Lorong Basikal Evergreen

Ia terbahagi kepada dua kelas: kelas biasa dan kelas cabaran. Laluan peringkat kelas biasa adalah lebih rata dan teduh, amat sesuai untuk keluarga. Laluan peringkat kelas cabaran bermula dari tepi simpang QingShuiYan dan menaiki cerun bukit, sesuai untuk penunggang basikal berlatih membina kekuatan fizikal mereka.

Jarak keseluruhan Laluan Kelas Biasa adalah 4km

Taman Hutan Tianzhong> Tokong Zantian> Qingshui

Jarak keseluruhan Laluan Kelas Cabaran adalah 2km

Jalan masuk Evergreen> Hadapan Lebuhraya Wilayah 139 B (Jalan Bagua)

Pusat Pelawat Ekosistem Pergunungan BaGuShan

Lorong Basikal Evergreen

Lorong Basikal Ershui

Lorong Basikal Ershui

Di sepanjang jalan keretapi cawangan Jiji, terdapat pemandangan alam semulajadi yang mengasyikkan, dengan bunga-bunga seperti kekwa dan bunga matahari yang mekar dalam musimnya di samping banyak rumah lama yang bertaburan di lapangan. Ia adalah seindah sebuah lukisan minyak dan boleh menghubungkan "Terowong Hijau" kepada Jiji.

Jarak keseluruhan adalah 5.5km

Tempat Pameran Keretapi Lama Stesen Ershui> Stesen Yuanquan> Tokong Encik Lim> Pintu Terusan BaBaoZhen





Tungganglah dengan Tiupan Angin Pantai Barat dan terokai Kota Lama

Tips

Selaras merentasi Tropic of Cancer, kita secara rasmi memasuki satu kawasan beriklim tropika, jadi sila ambil perhatian terhadap suhu tinggi dan gunakan krim penahan matahari untuk mengelakkan lecur pancaran matahari dan dehidrasi!

Laluan: Chiayi > Xinying > Shanhua > Kota Tainan > Gangshan > Kota Kaohsiung

Jalan utama: Lebuhraya Wilayah 1

Panduan: Ikut Lebuhraya Wilayah No. 1 sepanjang perjalanan. Jalan ini boleh dianggap sebagai laluan terpenting di Barat Taiwan. Ia akan membawa anda memasuki kota lama Tainan yang bersejarah dan bandar paling meriah di Selatan Taiwan, Kaohsiung. Semakin jauh ke selatan anda pergi, semakin banyak kemesraan yang dapat anda rasakan dari Taiwan, seterusnya dapat melegakan keletihan badan dan minda sepanjang perjalanan ini.

Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

1 271km 嘉義 Chiayi – Pusat Eksplorasi Solar Tropic of Cancer

24°56'00.3"N 121°22'10.8"E



Pekan Shuishang di Daerah Chiayi adalah salah satu daripada 16 bandar di dunia di mana Tropic of Cancer melintas dan Taiwan adalah mutiara hijau terbesar di Tropic of Cancer. Taman ini mengandungi 9 kawasan pameran utama, termasuk Sun Plaza dan kawasan permainan air - Solar System.

1 336km 臺南 Tainan – Tokong Confucian

22°59'26.1"N 120°12'14.7"E



Tokong Confucian Tainan yang bersejarah 300 tahun lebih adalah teras kebudayaan tempatan Jalan Lama, disenaraikan sebagai monumen kelas pertama negara, senibina yang megah mempersembahkan keunikan kota lama Tainan.

1 366km 橋頭 Ciaotou – Kampung Seni Kilang Gula Kio-A-Thau

22°45'09.5"N 120°18'58.9"E

Kampung Seni Kilang Gula Kio-A-Thau dibina pada tahun 1901 dan merupakan kawasan pemuliharaan bersejarah terbesar di Taiwan. Pada masa ini, ia dipersembahkan kepada orang awam dalam bentuk sebuah perkampungan seni, dan keseluruhan kawasan taman ini sangat besar.

3 377km 高雄 Kaohsiung – Love River

22°39'10.6"N 120°18'13.3"E

Love River sepanjang 16.4 kilometer merupakan sungai yang paling kaya budaya di seluruh Kota Kaohsiung. "Sungai Jantung Hati" adalah fokus keseluruhan tarikan tempat ini, terdapat jambatan pejalan kaki/basikal dibina merentasinya untuk menghubungkan sungai dengan dua kolam, seperti bentuk hati, membuatkan persekitaran ini amat romantis sekali.



Tip-tip: Pemeriksaan Keselamatan Tidak Boleh Diabaikan

Lakukan pemeriksaan asas basikal sebelum bertolak seperti, tahap kehausan tayar dan pad brek, kelancaran pergeseran, kebulatan rim dan sebagainya. Anda boleh menyediakan peralatan ringkas untuk melakukan pembaikan ringkas sebelum menghantar basikal anda ke kedai membaiki basikal profesional untuk pembaikan dan penyelenggaraan.



Depot Penjagaan Kesihatan/ Penyelenggaraan Basikal

- Kedai XinYongXing (pinyin)**
No. 344, Sec. 1, Xinjin Rd., Xinying Dist., Tainan City
06-632-2453
- Hospital Perbandaran Tainan**
No. 670, Chongde Rd., East Dist., Tainan City
06-260-9926
- Pusat Basikal LianXing (pinyin)**
No. 553, Sec. 2, Yi'an Rd., Annan Dist., Tainan City
06-247-7588
- Hospital Besar Angkatan Tentera Kaohsiung (Cawangan Zuoying)**
No. 553, Junxiao Rd., Zuoying Dist., Kaohsiung City
07-581-7121

Tambah Semula Tenaga Anda

『Ikan Bandeng Tainan』

Masukkan ikan Bandeng segar bersama dengan hirisn halia ke dalam sup, rasanya yang sedap pasti mengejutkan anda. Anda juga dicadang untuk rasa masakan usus dan kulit ikan Bandeng yang segar.



Kawasan Rehat

- 292km**
Kedai Serbaneka 7-Eleven
No. 201-10, Neighborhood 22, Taikang Vil., Liuying Dist., Tainan City
- 312km**
Balai Polis Jiaba
No. 350, Jiaba, Shanhua Dist., Tainan City 06-583-7379
- 330km**
Kedai Serbaneka 7-Eleven
No. 73, Ln. 52, Zhongzheng S. Rd., Yongkang Dist., Tainan City
- 334km**
Balai Polis Fuxing
No. 34, Zhonghua Rd., Yongkang Dist., Tainan City 06-311-5874



Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Silaya

Terletak di bahagian timur Dataran Chiayi-Tainan, muka bumi yang berbagai membentuk lanskap semulajadi seperti air terjun. Terdapat tujuh empangan iaitu Wushantou, Hutoupi, Zengwen, Chien Shan Pi dan sebagainya; dan hasil pertanian yang banyak seperti mangga, longan, kopi dan lain-lain produk istimewa; serta budaya Puak Siraya, satu daripada puak orang asli Taiwan. Kawasan kedesaan ini amat berwarna-warni, seronok, romantik, penuh dengan sejarah budaya manusia dan kecantikan semulajadi, amat ideal untuk lawatan keluarga.



Perkhidmatan Maklumat Pelancongan

Rangkaian Maklumat Pelancongan Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Silaya



Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

烏山頭水庫風景區

Kawasan Pemandangan Indah Empangan WuShanTou

23°12'28.8"N 120°21'47.5"E

Empangan WuShanTou terkenal untuk tasik karangnya, merupakan tempat lawatan dan perkhembahan yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas. Tidak jauh dari sini, bunga sakura merah jambu akan berkembang mekar pada musim sejuk, membuatkan anda merasa seolah-olah berada di kayangan.



鹿陶洋江家集落 Penempatan Keluarga Jiang LuTaoYang

23°09'20.0"N 120°29'24.8"E

Kelompok penempatan Keluarga Jiang di Daerah Nanxi, Kota Tainan adalah penempatan tradisional gaya Minnan yang terbesar di Taiwan, dan menjadi satu daripada latar layar skrin filem "Zone Pro Site" yang diambil di sini.



白河蓮花 Taman Baihelianhua

23°23'15.1"N 120°25'03.6"E

Pesta Bunga Teratai Baihe yang diadakan secara tahunan pada bulan Jun ke Ogos setiap tahun menarik ramai pelawat, yang datang untuk menikmati pemandangan cantik sawah teratai yang penuh dengan aroma keharuman bunga teratai musim panas; tempat ini juga dikenali sebagai "Kampung Teratai".



Lorong Basikal Hatta WuShanTou



Anda dapat melawat kemudahan sistem pengairan penting di WuShanTou, melalui Taman Memorial Hatta Yoichi, Terusan Pengairan Jianan, dan Tokong Lama Chishan Longhuyan yang berusia melebihi tiga kurun lamanya. Lawati tempat ini dari bulan September hingga Oktober dan alami kehidupan desa yang tenang dengan pemandangan ladang buah berangan.

Jarak keseluruhan adalah 6km

Stesen Polis Hushan > Taman Memorial Yoichi Hatta > Tokong Longhuyan Chihshanle > Dek Pemerhatian > Saliran Pengairan Chianan > Kawasan Pemandangan Indah Empangan Wusanto

i Kawasan Pemandangan Indah Empangan WuShanTou

No. 68-2, Jianan, Wushantou Vil., Guantian Dist., Tainan City
06-698-2103

Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Kebanyakan kedai berhampiran Kawasan Pemandangan Indah WuShanTou ada menawarkan Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

八田與一紀念公園 Taman Memorial Hatta Yoichi

23°12'51.9"N 120°21'52.8"E

Taman Memorial dibina untuk memperingati jurutera Jepun, Hatta Yoichi yang memberi sumbangan dalam pembinaan empangan WuShanTou yang menjadi sumber pengairan penting di dataran Chiayi-Tainan. Empat bangunan asrama gaya Jepun telah diubahsuai supaya pelancong dapat merasai gaya hidup Encik Hatta pada masa dahulu.



Lorong Basikal Tainan Baihe(pinyin)

Lautan bunga teratai berwarna-warni yang berkembang mekar menarik ramai pelancong pada setiap musim panas dari bulan Jun ke Ogos, rancanglah beberapa laluan yang sesuai bagi mereka yang gemar menghayati pemandangan bunga teratai di kawasan desa sambil berbasikal.

Jarak keseluruhan adalah 20 km

Taman Teratai > Muzium Explora Teratai > Lorong Basikal Hijau Zhumen > Terowong Hijau Shengan > Bengkel Seramik Bai-He > Mata Air Panas Api dan Air

Pejabat Pentadbiran Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Silaya

No. 99, Futian Rd., Guantian Vil., Guantian Dist., Tainan City

Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Terdapat perkhidmatan perkongsian dan sewa basikal di sepanjang laluan lorong basikal Baihe

水火同源 Mata Air Panas Api dan Air

23°19'19.9"N 120°29'06.1"E

Disebabkan oleh struktur geologi khas, gas semulajadi dibebaskan dari batuan itu, dan selepas dinyalakan, ia bergabung dengan mata air dalam celah-celah batuan untuk membentuk satu pemandangan pelik gabungan air dan api secara serentak, dan ia dikenali sebagai salah satu daripada Lapan Keajaiban Kota Tainan.





Sempadan Selatan - Pemandangan Laut Biru

Laluan: Kota Kaohsiung> Xiaogang> Donggang > Fangliao > Fangshan > Checheng

Jalan Utama: Lebuhraya Wilayah 17> Lebuhraya Wilayah 1> Lebuhraya Wilayah 26

Panduan: Babak awal perjalanan ini penunggang basikal dapat menikmati lumba basikal berkelajuan tinggi jika terdapat angin pantai. Selepas tiba di jalan pesisiran pantai Fangliao, penunggang basikal dapat menikmati pemandangan gunung tinggi di sebelah kiri dan lautan biru di sebelah kanan. Bukalah hati anda dan biarkan gunung hijau dan laut biru menemani anda sepanjang perjalanan anda!

Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

17 232.5km 高雄 Kaohsiung – Taman Taroko

22°34'57.0"N 120°19'44.0"E

Pusat membeli-belah besar pertama di Taiwan yang mengkhusus dalam aktiviti sukan dan hiburan, dengan tumpuan kepada aktiviti membeli-belah, kedai makanan, sukan, pawagam, aktiviti keluarga, dan juga Go Kart Antarabangsa. Datanglah dan alami pelbagai jenis aktiviti masa lapang jika anda melalui tempat ini.



Tip-tip: Elakkan Pengsan Bawah Pancaran Matahari Terik

Untuk mengelakkan pengsan, anda boleh memakai jersi basikal kalis UV, lengan tangan, penutup kepala dan cermin mata hitam. Anda dinasihatkan agar minum air dengan kerap semasa menunggang, ini bermakna menyedut air setiap 15 minit (kira-kira 150ml, bergantung pada intensiti latihan dan suhu semasa).

17 257km 東港 Donggang – Tokong Donglong

22°27'47.1"N 120°26'55.5"E

Pesta Sembahyang Donggang -Yingwang dianjurkan oleh Tokong Donglong tiga tahun sekali sangat terkenal di Taiwan. Penganut percaya bahawa mengirim kapal raja kepada dewa laut dapat menghalau wabak dan mengekalkan kedamaian dengan cara membakar kapal raja kertas sehingga menjadi abu.



26 18.9km 屏東 Pingtung – Muzium Kebangsaan Biologi Marin & Akuarium

22°02'45.8"N 120°41'56.1"E

Muzium besar ini yang bertemakan hidupan laut terletak di pantai kaki Gunung Guishan di bahagian barat laut Taman Negara Kenting , dan mempunyai 81km panjang garis paparan lanskap bawah air, yang merupakan terowong bawah laut yang terbesar di Asia.




Kaohsiung – Checheng 87km



Depot Penjagaan Kesihatan/ Penyelenggaraan Basikal

- + Hospital Perbandaran HsiaoKang Kota Kaohsiung
No. 482, Shanming Rd., Xiaogang Dist., Kaohsiung City
07-803-6783
- * Kedai Perdana Giant Kaohsiung
No. 2218, Zhonghua 1st Rd., Gushan Dist., Kaohsiung City
07-553-1412
- + Hospital Universiti Fooyin
No. 5, Zhongshan Rd., Donggang Township, Pingtung County
08-832-3146#1280
- * Kedai Basikal Dazhen (pinyin)
No. 5-1, Zhongxing Rd., Fangliao Vil., Fangliao Township, Pingtung County
08-878-0530



Tambah Semula Tenaga Anda

«Udang Sakura»

Udang Sakura hanya boleh didapati di Bandar Donggang dalam Wilayah Pingtung dan Wilayah Shizuoka di Jepun. Ia boleh dijadikan sebagai makanan ringan atau ditambah ke dalam masakan harian seperti Nasi Goreng Udang Sakura. Jangan terlepas merasai citarasa nasi yang rangup itu.



Kaohsiung



Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Maolin



Ia adalah sebahagian daripada Alishan, Yushan dan Banjaran Gunung Tengah. Sungai Laonong, Sungai Zhuokou dan Sungai Ailiao mengalir melalui tempat tersebut. Panorama rama-rama ungu terbang, aliran deras air terjun di lurah, bersama dengan adat resam tradisional orang asli mewujudkan satu lanskap semulajadi dan satu suasana kebudayaan yang unik.

Perkhidmatan Maklumat Pelancongan

Rangkaian Maklumat Pelancongan Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Maolin



禮納里遊客中心 Pusat Pelawat Rinari

22°41'59.3"N 120°38'39.3"E

Tempat terbaik menghayati pemandangan Dataran Pingtung, dapat memerhati pergunungan dan hutan di sekitarnya, matahari terbenam yang indah berlatarkan pemandangan jambatan berkabel-penahan, dan 85 Sky-tower Kaohsiung dari tingkat 2. Anda juga boleh bergambar sambil memakai pakaian tradisi orang asli yang disediakan.



Lorong Basikal Kawasan Pemandangan Indah Maolin

Laluan Kejar Angin terdiri daripada 4 lorong basikal yang amat mencabar dan menjadi kegemaran ramai penunggang muda. Laluan ini dipenuhi dengan banyak bukit-bukau yang hijau, pokok-pokok bermusim dan banyak pakej pelancongan yang memaparkan tiang ukiran orang asli yang boleh dilihat di sepanjang perjalanan.

Perkhidmatan Maklumat Pelancongan

Laluan Kejar Angin Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Maolin



Laluan Kejar Angin 1

Jarak keseluruhan 32.5km Perjalanan mengambil masa lebih kurang 2 jam.

Pintu Masuk Kawasan Rekreasi Maolin> Air Terjun Dajin> Taman Permainan SaiJia(pinyin)> Taman Budaya Orang Asli Taiwan (Pekan Majia)> Pusat Pelawat Rinari > Kawasan Rekreasi Liang-Shan

Laluan Kejar Angin 2

Jarak keseluruhan adalah 26.1km

Perjalanan mengambil masa lebih kurang 2 jam 37 minit

Pintu Masuk Kawasan Rekreasi Maolin> Pusat Pelawat Maolin> Lembah Lovers> Lembah Purple Butterfly > Lembah Maolin> LongTouShan> Jambatan Kaca Douna> SheTouShan> Rumah Batu Duona

Laluan Kejar Angin 3

Jarak keseluruhan 17.8km Perjalanan mengambil masa lebih kurang 2 jam 10 minit

Restoran Mountain in the Sky Pekan Sandimen> Taman Zhongshan Sandimen > Taman Demoer> Poin Pemeriksaan Polis San-De (Perlu Mohon Permit Masuk Gunung) > Jambatan Guchuan>Kampung Puak Kabaleradhane>Kampung Puak Wutai

Laluan Kejar Angin 4

Jarak keseluruhan adalah 32.5km Perjalanan mengambil masa lebih kurang 2 jam

Taman Permainan SaiJia(pinyin) Pekan Sandimen> Kampung Puak Sagaran > Kampung Puak Valjulu> Kampung Puak Djineljapan > Kampung Puak Cavak

Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Teluk Dapeng



Kawasan pemandangan indah termasuk kawasan lagun sepanjang pantai Teluk Dapeng dan Kawasan Pemandangan Indah Liuqiu . Mereka merupakan lagun masukan-tunggal vesickular yang terbesar di Taiwan. Terokai ekologi semulajadi tanah paya lagun ini, pokok bakau dan lain-lain habitat semulajadi, dan lawati Pulau Oyster Shell di Teluk Dapeng untuk meninjau penteranagan tiram di situ.

Perkhidmatan Maklumat Pelancongan

Rangkaian Maklumat Pelancongan Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Teluk Dapeng



鵬灣跨海大橋 Jambatan Teluk Dapeng

22°26'56.6"N 120°27'17.1"E

Jambatan Teluk Dapeng adalah sebuah jambatan yang direkabentuk khas menggunakan kabel-penahan 3D. Jambatan ini kelihatan seperti layar pada sisinya dan dari belakang ia kelihatan seperti huruf A; ciri paling istimewa adalah ia sebuah jambatan boleh gerak yang pertama di Taiwan.



Lorong Basikal Teluk Dapeng

Laluan ini menggabungkan ciri-ciri pemandangan tasik, ternakan tiram di perkampungan nelayan, dan matahari terbenam di benteng pantai. Di sini, anda dapat melihat beratus-ratus ekar kolam ikan, tanah paya bakau dan pemandangan laut biru.

Jarak keseluruhan adalah 11.6km

Pusat Pelawat Teluk Dapeng> Tanah Paya Daten> Teluk Sunset > Tanah Paya Right Bank> Tanah Paya Cifong> Taman Binwan (pinyin)> Pulau Oyster Shell> Kawasan Rekreasi Pesisiran Pantai Qingzhou> Jambatan Teluk Dapeng> Taman Ekologi Pokok Bakau> Jambatan Sankong

Pejabat Pentadbiran Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Teluk Dapeng

No. 169, Daten Rd., Dapeng Vil., Donggang Township, Pingtung County
08-833-8100

濱灣公園 (帆船基地)

Taman Binwan (pinyin) (Tapak Kapal Layar)

22°26'11.9"N 120°28'38.6"E

Teluk Dapeng adalah tempat terbaik untuk mengalami keseronokan bermain luncur angin, dengan banyak aktiviti sukan air yang lain seperti belayar, berkayak, luncur angin, bot laju dan lain-lain turut disediakan.





Jangan Terlepas Tarikan Unik ini

Tips

Angin kencang yang amat berbahaya bertiup dari bulan Oktober ke April setiap tahun di pantai barat Semenanjung Hengchun! Sila elakkan angin kencang tersebut jika anda meneruskan perjalanan melalui jalan ini.

Laluan: Checheng > Mudan > Shouka > Daren > Dawu > Jinlun > Taimali > Zhiben > Kota Taitung

Jalan Utama> Lebuhraya Wilayah 26> Lebuhraya Daerah 199> Lebuhraya Wilayah 11

Panduan:Ikuti Lebuhraya Daerah 199 untuk menunggang keluar dari Selatan Taiwan, menunggang basikal menjadi semakin mencabar tatkala lereng semakin curam, jadi anda perlu mengekalkan sikap positif, berhati-hati dan menggunakan transmisi dengan fleksibel, supaya anda dapat mengharungnya dengan penuh kegigihan.

Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

199 0km 屏東Pingtung – Stesen Basikal Shouka

22°14'42.6"N 120°50'08.2"E



Pada ketinggian 460 meter dari paras laut, ia merupakan poin tertinggi di Lebuhraya Link-Selatan! Selepas berjaya menaiki lereng bukit ke Shouka, anda akan tiba di Kawasan Rehat Shouka, tempat hentian untuk bilangan penunggang paling ramai dan titik panas terbaik untuk mengambil gambar untuk dikongsi bersama rakan dan keluarga tersayang sebagai kenang-kenangan menandakan bahawa anda telah berjaya melengkapkan cabaran itu.



9 417.5km 太麻里Taimali – Stesen Duoliang

22°30'24.4"N 120°57'31.1"E

Di sini anda dapat menikmati pemandangan Lautan Pasifik yang luas serta imbasan keretapi laju yang lalu, Duoliang juga dianggap sebagai satu daripada stesen keretapi tercantik di Taiwan.

9 392km 知本Zhiben – Mata Air Panas Zhiben

22°41'34.8"N 121°01'05.2"E

Yang paling terkenal adalah Mandian Kecantikan Mata Air Panas, yang merupakan mata air panas karbonat beralkali, tanpa warna dan bebas-bau. Suhu air melebihi 100 darjah, berkualiti baik, dan dapat melega serta merehatkan otot yang keletihan.

11 164km 臺東Taitung – Kampung Tiehua

22°45'13.3"N 121°08'45.1"E

Taitung penuh dengan bakat muzik orang asli dan kaya dengan tenaga kreatif. Oleh itu Taitung adalah tempat berkumpul ramai bakat muzik dan pelancong disyorkan untuk berkunjung ke sini untuk bersantai menikmati kehidupan sambil mendengar lagu-lagu karya bakat muzik asli tempatan.



Checheng – Taitung 115km



Depot Penjagaan Kesihatan/ Penyelenggaraan Basikal

- Stesen Rehat Shouka (peralatan penyelenggaraan disediakan)**
No. 1, Shouka, Caopu Vil., Shizi Township, Pingtung County
08-877-1129

- Pusat Kesihatan Awam Pekan TaiMaLi, Daerah Taitung**
No. 66, Minquan Rd., Taihe Vil., Taimali Township, Taitung County
08-978-1220

- Rumah Kehidupan LanTian ErLun (pinyin)**
1-3F, No. 377, Sec. 1, Zhonghua Rd., Zhongzheng Vil., Taitung City, Taitung County
08-934-7416

- Hospital Besar Veteran Taipei, Cawangan Taitung.**
No. 1000, Gengsheng Rd., Taitung City, Taitung County
08-922-2995



Tambah Semula Tenaga Anda

«Tofu Busuk»

Tofu Busuk adalah produk tofu berperam yang popular di Taiwan. Kebanyakan pelawat asing tidak dapat menerima aroma unik tersebut, tetapi dicadangkan jika berpeluang, patut mencuba kerangupan makanan ringan unik ini.



Kawasan Rehat

- 444km**
Kedai Serbaneka 7-Eleven
No. 216, Senyong, Daren Township, Taitung County
- 403km**
Kedai Serbaneka 7-Eleven
No. 128, Waihuan Rd., Taimali Township, Taitung County
- 455km**
Stesen Shouka
Caopu Vil., Shizi Township, Pingtung County
08-877-1129
- 415km**
Balai Polis Jinlun
No. 439, Taimali Township, Taitung County
08-977-1086



Berbasisikal melalui Lembah East Rift -Satu demi Satu Gunung

Laluan: Kota Taitung > Luye > Chishang > Yuli

Jalan Utama: Lebuhraya Wilayah 9

Panduan: Pemandangan di sepanjang Lembah East Rift berubah mengikut musim. Anda boleh menunggang sepanjang jalan desa yang berliku sambil mencium keharuman sawah padi. Keretapi mungkin muncul dari semasa ke semasa dengan bergerak perlahan. Mengapa tidak menukar pemandangan cantik ini ke dalam perkataan dan mencatatkan mereka dalam diari anda mengelilingi pulau ini?

Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

9 360.5km 卑南 Beinan – Ladang Ternakan Chulu

22°51'56.9"N 121°06'29.0"E

Setelah menaiki dek pemerhatian, akan terdampar sebuah ladang menghijau dengan berbagai haiwan ternakan di bawah sinaran matahari. Datang dan nikmati keseronokan gaya hidup ladang dan pemandangan yang mempesonakan!



9 355.4km 鹿野 Luye – Tanah Tinggi Luye

22°54'59.9"N 121°07'18.9"E

Terletak di tanah tinggi, ia merupakan tapak latihan paraglider serta geluncur angin di Taitung. Anda juga dapat menemui banyak ladang teh di sekitar tempat tersebut. Karnival Belon Udara Panas Antarabangsa Taiwan akan diadakan di sini pada setiap tahun.



9 334km 關山 Guanshan – Laluan Basikal Guanshan

23°02'31.4"N 121°10'15.1"E

Laluan Lorong Basikal Guanshan adalah laluan lorong basikal pertama yang direka khas untuk penunggang di Taiwan. Ia terbahagi kepada "Laluan Air" dan "Laluan Gunung".



9 326km 池上 Chishang – Brown Boulevard

23°05'56.0"N 121°12'45.4"E

Menunggang sepanjang Brown Boulevard, dengan kedua sisi bertepikan sawah padi dan lebih jauh lagi banjaran pergunungan, anda akan dapat merasai kedamaian minda merentasi ladang hijau yang luas terbentang yang diberi nama jolokan "Jalan Kehijauan Syurga" kerana kecantikan semulajadinya.



Tip-tip: Bagaimana untuk menukar gear

Menukar gear adalah bahagian paling kompleks semasa mengayuh basikal, tetapi jika anda menguasainya maka ia akan menjadi mudah untuk anda menunggang di atas tanah rata dan bukit-bukau. Ideanya adalah sama seperti menukar gear dalam kereta transmisi manual. Adalah paling baik untuk mengekalkan kelajuan kayuhan anda melebihi 70 rpm, dan untuk keefisienan maksimum anda harus mensasarkan untuk 80-90 rpm.

Taitung – Yuli 85km



Depot Penjagaan Kesihatan/ Penyelenggaraan Basikal

- Hospital Buddhist Yayasan Perubatan Tzu Chi Guanshan**
No. 125-5, Heping Rd., Guanshan Township, Taitung County
08-981-4880
- Kedai Basikal KHS Guanshan**
No. 18-6, Shunxing, Guanshan Township, Taitung County
089-812-677 / 0963-667-167
- Kedai Basikal HongYi (pinyin)**
No. 47, Heping Rd., Zhongcheng Vil., Yuli Township, Hualien County
03-888-5669 / 0932-655-701
- Hospital Tzu Chi cawangan Yuli**
No. 1-1, Minquan St., Yuli Township, Hualien County
03-888-2718

Tambah Semula Tenaga Anda

«Kotak Makan Tengahari Chishang»

Chishang digelar "Pekan Beras Taiwan". Kotak Makan Tengahari Chishang dibuat dengan kayu nipis yang memberikan aroma istimewa, sering digunakan untuk hidangan nasi Chishang, daging panggang, telur perap, sosej, dan acar.



Kawasan Rehat

350km
Kedai Serbaneka 7-Eleven
No. 430, Sec. 1, Zhonghua Rd., Luye Township, Taitung County
089-550-209

348km
Family Mart
No. 1-6, Minquan Rd., Guanshan Township, Taitung County
089-814-083

340km
Balai Polis Ruisui
No.171, Zhongshan Rd., Luye Township, Taitung County
08-981-1419

330km
Balai Polis Chishang
No. 211, Zhongshan Rd., Chishang Township, Taitung County
08-986-2004

Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Lembah East Rift



Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Lembah East Rift

Lorong Basikal Bentuk Bulatan Tasik Liyu



Dataran lembah sungai yang panjang dan sempit seperti koridor hijau ini melintasi Hualien dan Taitung. Dikelilingi oleh gunung, kawasan desa ini dipenuhi lanskap mengasyikkan, dengan muka bumi yang pelbagai termasuk gaung, air terjun, mata air panas, sungai berliku, teres fluvial dan sebagainya. Ia juga kaya dengan sumber-sumber pra-sejarah dan orang asli.

Perkhidmatan Maklumat Pelancongan

Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan
Lembah East Rift



Zon Bertema Basikal Kawasan Pemandangan
Indah Kebangsaan Lembah East Rift

Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

赤科山 Gunung Chike

23°23'22.6"N 121°23'43.7"E

Setiap Ogos hingga September semasa musim Bunga Daylily Oren, seluruh bukit ini dipenuhi dengan bunga berwarna kuning emas mekar. Lanskap ini benar-benar mengagumkan, dan jangan terlepas peluang untuk turut melawat "Tiga Tarikan di Chike".



鸞山部落(森林博物館)

Puak Sazasa (Muzium Hutan Luanshan)

22°53'15.0"N 121°10'06.8"E

Puak Sazasa mendiami bahagian selatan Banjaran Pesisiran Pantai di Gunung Dulan, yang mempunyai Zon hutan simpan Ficus-Machilus yang paling lengkap. Ia juga merupakan tempat tinggal Puak Bunun.



Lorong Basikal Longtian



Bermula dari Stesen Keretapi Luye, kayuh sepanjang Jalan Guangrong melalui Sekolah Rendah Longtian, kemudian naik lereng sehingga sampai di Tanah Tinggi Luye. Di sini anda dapat menghayati pemandangan sawah padi berteres di Lembah Luye dan merasai makanan tempatan istimewa kawasan ini.

Jarak keseluruhan jalan utama adalah 6.2km

Stesen Keretapi Luye> Sekolah Rendah Longtian> Ladang Rekreasi Puak Bunun

Jarak keseluruhan jalan cabang adalah 13.3km

Kampung Longtian> Pusat Pentadbiran dan Pusat Pelawat Luye> Tanah Tinggi Luye > Terowong Hijau Wuling

i Pusat Pentadbiran dan Pusat Perkhidmatan Pelancong Luye
No. 46, Gaotai Rd., Luye Township, Taitung County 08-955-1637

i Kedai Adu (pinyin)
No. 232, Guangrong Rd., Longtian Vil., Luye Township, Taitung County 089-550-706

o Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal
Penyewaan basikal boleh didapati di kedai di Jalan Guangrong dan Jalan Yongle di Kampung Luye.

武陵綠色隧道 Terowong Hijau Wuling

22°57'34.0"N 121°07'31.1"E

Pohon Kamper, Pohon Ketapang Kencana dan Pohon Kasuarina yang ditanam di kedua belah boulevard menyediakan teduhan daripada pancaran cahaya matahari terik. Kadangkala, anda dapat melihat pemandangan paraglider berwarna-warni yang berlepas di langit membentuk satu terowong hijau yang amat mengagumkan.

Lorong Basikal Bentuk Bulatan Bandar Guanshan

Menunggang sepanjang tepian tasik tenang di kaki gunung hijau, dengan pemandangan sawah terbentang luas sepanjang Tepi Sungai Hongshi, kemudian ikuti jejak hutan tepi bukit yang berlaku sepanjang Terusan Guanshan, dan akhirnya ikut laluan turun bukit Sungai Kanding dan Sungai Beinan ke Taman Air itu.



Jarak keseluruhan: 13km

Stesen Keretapi Guanshan> Poin Perlepasan Lorong Basikal Guanshan > Terusan Guanshan> Pavilion Pemerhatian Sun Moon > Pintu Masuk Selatan Taman Air> Pintu Masuk Utama Taman Air.

i Persatuan Peladang Pekan Guanshan & Pusat Perkhidmatan Pelancong

No. 24-1, Changlin Rd., Guanshan Township, Taitung County 089-814903

o Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Penyewaan basikal boleh didapati di stesen lama di pintu keluar utara Stesen Keretapi Guanshan dan pintu masuk Lorong Basikal Guanshan.

親水公園 Taman Air

23°02'23.9"N 121°10'25.8"E

Taman air pertama yang mesra alam di Taiwan, dengan kawasan mainan air dan pelbagai kemudahan permainan yang dinamik. Kawasan mainan air statik dilengkap dengan lanskap buatan manusia yang memaparkan ekologi pulau untuk tujuan pendidikan alam sekitar.



Lorong Basikal Kolam Dapo Chishang



Chishang terkenal dengan beras aromatiknya yang berkualiti, dan juga adalah tempat di mana plat kepompong ulat sutera dicipta, sekaligus menjadikan tenun sutera salah satu produk paling terkenal Chishang. Pemandangan Kolam Dapo adalah yang paling indah sekali dan sepanjang jalan, anda dapat menikmati lanskap yang tenang di kawasan desa ini.

Jarak keseluruhan laluan utama adalah 8 km

Stesen Keretapi Chishang > Muzium Kotak Makan Tengahari Chishang > Kolam Dapo > Kelab Tepi Ladang Jinyuen > Pavilion Daguan > Tanah Paya Ladang Garam > Roda Air Besar Fuzhen > Kolam Dapo > Stesen Keretapi Chishang

Jarak keseluruhan laluan cabang Wan An adalah 2.9 km

Kelab Tepi Ladang Jinyuen > Taman Wan An > Jalan WanXin(Brown Boulevard) > Pavilion Daguan

Jarak keseluruhan Laluan Cabang Wanxin adalah 6.5km

Roda Air Besar > Jambatan Chishang > Taman Pemuliharaan Air Chishang > Kolam Ekologi Perikanan Chishang > Resort Ladang Ternakan Chishang > Taman Budaya Hakka > Kilang Mengisar Padi Rekreasi Persatuan Peladang Chishang > Stesen Keretapi Chishang

i Resort Ladang Ternakan Chishang

No. 110, Xinxing Rd., Chishang Township, Taitung County 089-862-736

● Stesen Penyewaan Basikal TR9 Chishang

No. 4, Tiehua Rd., Chishang Township, Taitung County 0989-929-901

大坡池 Kolam Dapo

23°07'12.8"N 121°13'23.8"E

Tebing retak ini adalah satu ciri kolam itu, dan disebabkan oleh kekayaan flora dan faunanya, ia amat ideal untuk pemerhatian ekologi, pemerhatian burung, memancing ikan, mendaki bukit dan lain-lain aktiviti santai. Ia juga mempunyai satu jejak tepi tasik dan lorong basikal.

Lorong Basikal Yulu

Laluan Basikal Yulu dibina atas landasan keretapi lama yang tidak digunakan lagi. Anda sekarang boleh berseronok mengayuh sepanjang landasan sambil menikmati pemandangan indah Yuli, atau boleh juga mandi air panas di kawasan Mata Air Panas Antong.



Jarak keseluruhan adalah 18.5km

Stesen Yuli > Jambatan Yuli > Stesen Basikal Antong > Kawasan Mata Air Panas Antong > Stesen Keretapi Lama Dongli

● Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Lembah East Rift - Pusat Pentadbiran dan Pelawat Luoshan

No. 39, Donghu, Neighborhood 9, Fuli Township, Hualien County
03-882-1725


● Stesen Penyewaan Basikal TR9 Yuli


No. 39, Kangle St., Yuli Township, Hualien County 0979-032-038

安通温泉區 Kawasan Mata Air Panas Antong

23°16'51.1"N 121°20'33.0"E

Pada tahun 1930, orang Jepun telah membina sebuah rumah tumpangan polis yang dilengkapi kemudahan kolam mandi awam, yang kemudian dia dibangunkan menjadi sebuah resort mata air panas oleh beberapa operator.





Topografi panjang dan sempit, dikelilingi oleh gunung dan laut, melintasi Tropic of Cancer, wilayah ini terbahagi kepada iklim tropika dan subtropika yang kaya dengan sumber alam semula jadi dan ekologi flora dan fauna. Pelbagai aktiviti boleh diaturkan seperti: memerhati ikan paus, menyelam, memerhati burung, berkayak dan banyak lagi.

Perkhidmatan Maklumat Pelancongan

Rangkaian Maklumat Pelancongan Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Pantai Timur



Lorong Basikal Gaung Taiyuan

Pengalaman aktiviti perayuan dimulakan dari puak Donghe, menyusuri sepanjang Sungai Mawuku, melalui kawasan pemandangan indah Jambatan Donghe, kemudian menuju ke tempat berkumpul kelompok kera di Jambatan Dengxian, dan akhirnya tiba di kawasan pemandangan indah Gaung Taiyuan.

Jarak keseluruhan: 12km

Komuniti Donghe> Kawasan Pemandangan Indah Jambatan Lama Donghe> Terowong Xiaoma> Jambatan Lama Dengxian> Gaung Taiyuan> Komuniti Taiyuan

● Pusat Pelawat Torik

No. 25, Xincun Rd., Chenggong Township, Taitung County 089-841-520

● Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Disyorkan agar anda pergi ke utara di Sanxiantai, atau ke selatan ke pusat bandar Kota Taitung untuk menyewa basikal.

東河橋 Jambatan Lama Donghe

22°58'36.3"N 121°18'17.8"E

Jambatan Lama Donghe menyambung dua titik antara Pekan Chenggong dan Muara Sungai Mawuku, Kampung Donghe. Jambatan lama dan baru Donghe mempunyai keistimewaan tersendiri masing-masing.



Lorong Basikal Sanxiantai



Ini adalah laluan untuk menikmati ekologi marin dan terumbu karang yang bermula dari Komuniti Ami di Taman Tepi Sungai Baishoulian di bahagian utara, melalui Kawasan Rekreasi Sanxiantai yang paling popular di Pantai Timur serta Jeti Kapal Layar Hsin-kang.

Jarak keseluruhan: 9.7 km

Penanda Jarak 109.8K di Lebuhraya Wilayah 11> Taman Tepi Sungai Baishoulian> Kawasan Rekreasi Sanxiantai> Taman Pantai Chenggong> Pelabuhan Perikanan Chenggong (Jeti Kapal Layar Hsin-kang)> Akuarium Clownfish> Jalan Zhongshan Pekan Chenggong

i Pusat Pelawat Sanxiantai

No. 74, Jihui Rd., Sanxian VII., Chenggong Township, Taitung County

o Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Terdapat Perkhidmatan Sewa Basikal di sebelah Pusat Pelawat Sanxiantai

三仙台遊憩區 Kawasan Rekreasi Sanxiantai

23°07'24.1"N 121°24'29.8"E

Sebuah tempat tipikal yang terdiri daripada terumbu karang dan pantai, kaya dengan tumbuh-tumbuhan dan ekologi geologi. Naik ke rumah api untuk menikmati pemandangan laut Pantai Timur yang terbaik dari sudut 360 derjah.



Lorong Basikal Shimen-Changbin

Mengikuti Lorong Basikal Shimen-Changbin, yang dibina sepanjang Laluan 11 Lebuhraya Pantai, anda dapat menghayati pemandangan pemukiman laut biru yang bergemeralpan seperti berlian sepanjang jalan, memang layak diberi nama jolokan "Lebuhraya Biru".

Jarak keseluruhan: 9.5 km

Kawasan Rekreasi Shimen> Pelabuhan Perikanan Shih-t'i> Kawasan Rekreasi Shitiping> Kawasan Rekreasi Yuedong> Kampung Puak Makotaay> Tanah Paya Qifeng> Mercu Tanda Tropic of Cancer Jing Pu> Kawasan Rekreasi Gua Baxian> Changbin

i Pusat Pelawat Gua Baxian

No. 1-4, Shuimuding, Sanjian VII., Changbin Township, Taitung County
089-881-418

o Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Pejabat Perbandaran Changbin ada menawarkan perkhidmatan perkongsian dan sewa basikal (Khidmat tempahan boleh didapati pada hari cuti awam sahaja)

石梯坪遊憩區 Kawasan Rekreasi Shitiping

23°29'29.1"N 121°30'31.9"E

Hakisan air pasang dan surut dalam jangka masa yang panjang telah membentuk pelbagai jenis lekukan batu, lubang kecil, lanskap marin terhakis, termasuk satu pentas hakisan ombak yang amat jarang dilihat sepanjang 1km.





Berbasisikal melalui Lembah East Rift sambil menikmati keseronokan dikelilingi gunung dan laut

Laluan: Yuli > Ruisui > Fenglin > Ji'an > Kota Hualien

Jalan Utama: Lebuhraya Wilayah 9

Panduan Laluan: Anda dapat menghayati keharuman sawah padi sepanjang Lebuhraya Wilayah 9, kehijauan tumbuh-tumbuhan, barisan burung pipit yang berdiri atas tiang elektrik, lambai dan senyuman dari kanak-kanak baru pulang dari sekolah. Sebenarnya orang-orang tempatanlah yang merupakan pengalaman yang paling indah yang anda akan lihat semasa pengembaraan mengelilingi pulau.

Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

9 276km 瑞穗Ruisui – Taman Tropic of Cancer

23°27'55.7"N 121°21'28.6"E

Kali kedua melalui Tropic of Cancer menandakan anda telah selesai dua pertiga perjalanan. Terdapat satu tanda berbentuk jam matahari putih yang dikelilingi oleh empat haiwan yang mewakili fenomena astronomi tradisional China di Taman Tropic of Cancer.



9 252km 光復Guangfu – Kilang Gula Hualien

23°39'24.3"N 121°25'11.8"E

Kilang Gula Hualien terkenal untuk popsicle dan ais krimnya, yang pasti memberikan penunggang kelegaan menyegukkan dari suhu tinggi musim panas. Oleh kerana kilang tidak lagi beroperasi, kini ia menempatkan sebuah pusat kebudayaan dengan panduan pelancongan yang memperkenalkan kilang itu dan menjelaskan sejarahnya.



9 276km 花蓮Hualien – Pantai Qixingtan

24°01'50.8"N 121°37'46.3"E

Dikatakan bahawa pada waktu malam ketika cuaca baik, dan tidak ada pencemaran cahaya, anda dapat memerhati "Big Dipper" (in mandarin Beidou QiXing) dari Pantai Qixingtan. Walaupun ia digelar sebuah tasik, sebenarnya pelawat dapat menikmati pemandangan Lautan Pasifik yang terbentang luas dari sini.

Tip-tip: Perjalanan Mengelilingi Pulau akan menjadikan badan anda lebih cergas

Badan dapat membakar kira-kira 2,000 kalori jika anda mengayuh sejauh 100km sehari, tetapi ini tidak bermaksud anda bebas untuk makan apa sahaja yang anda suka. Anda tidak seharusnya menghadapi sebarang masalah mengurangkan beberapa kilogram berat badan dalam tempoh 10 hari mengelilingi pulau ini.





Depot Penjagaan Kesihatan/ Penyelenggaraan Basikal

Basikal Giant Youcheng Bike
No. 34, Guoguang N. Rd., Ruisui Township,
Hualien County
03-887-2502

Hospital Kristian Mennonite,
Cawangan Shou-Feng
No. 52, Yuchi, Gonghe Vil., Shoufeng
Township, Hualien County
03-866-4600


Jabatan Kesihatan dan Kebajikan
Hospital Hualien
No. 600, Zhongzheng Rd., Hualien City,
Hualien County
03-835-8141

Basikal Giant Hualien
No. 35, Guoxing 1st St., Guolian Vil.,
Hualien City, Hualien County
038-336-761


Tambah Semula Tenaga Anda

《Sup Wantan》

Biasanya, pengisian daging wantan menggunakan daging khinzir, yang dibalut dengan kulit doh nipis (dibuat daripada tepung gandum, telur, air dan garam), ditutup rapi dengan memampatkan tepi kulit bersama. Setelah dididih dalam sup ketulan tulang, Sup Wantan siap dihidangkan.



Nantou



Lorong Basikal Ruisui



Bertolak dari Stesen Ruisui, anda dapat menikmati pemandangan desa dan alam semulajadi yang liar di sepanjang jalan, termasuk mata air panas, ladang ternakan dan ladang teh. Laluan utama telah dibina semula daripada landasan keretapi lama, dan terdapat 10 hingga 12 km cabang jalan yang menghubungkannya.

Jarak keseluruhan jalan utama adalah 9.7km

Stesen Keretapi Ruisui> Stesen Rehat Ruibei> Jambatan Sungai Malangou> Stesen Keretapi Fuyuan

Jarak keseluruhan cabang jalan adalah 11.3km

Stesen Ruisui>Boulevard Líyīn(pinyin)> Kandang Tembakau > Boulevard Zhanglin>Tetambak Sungai Hongye> Ladang Ruisui> Stesen Ruisui

i Pejabat Pentadbiran Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Lembah East Rift

No. 168, Sec. 2, Xinghe Rd., Hegang Vil., Ruisui Township, Hualien County
03-887-5306

o Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Terdapat Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal di hadapan Stesen

馬蘭鈎溪橋 Jambatan Sungai Malangou

23°33'17.1"N 121°22'45.1"E

Mengayuh sepanjang lorong basikal melintasi Jambatan Sungai Malangou yang menghubungkan kawasan Ruisui dengan Lembah Rama-rama Fuyuan, tarikan utama tempat ini. Anda juga dapat menghayati pemandangan bunga sakura mekar indah yang ditanam sepanjang lorong basikal, dan setiap tahun dari bulan Februari- April, pemandangannya amat mengagumkan.

Lorong Basikal Mengelilingi Tasik Liyu

Lorong Basikal mengelilingi Tasik Liyu boleh menghubungkan Lorong Basikal Double Axes sehingga Pantai Qixingtan, yang menghubungkan semua rangkaian lorong basikal di Kota Hualien. Musim kelip-kelip adalah dari bulan April-Jun setiap tahun, anda boleh menyaksikan pemandangan umpsara tanglung kecil berterbangan di seluruh gunung itu.



Jarak keseluruhan: 5.2km

Pusat Pelawat Tasik Liyu> Taman Air Tanbei>Kawasan Rekreasi Tasik Liyu>Pintu Masuk Jejak Gunung Liyu > Jeti Kawasan Rekreasi Pantai Barat> Institut Penyelidikan Perikanan

i Pusat Pelawat Tasik Liyu

No. 100, Huantan N. Rd., Chinan Vil., Shoufeng Township, Hualien County
03-864-1691

o Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Terdapat Kedai Perkongsian dan Sewa Basikal bersebelahan Pusat Pelawat Tasik Liyu

水產實驗所 Institut Penyelidikan Perikanan

23°55'57.5"N 121°30'24.5"E

Anda dapat lihat pelbagai spesies ikan sungai asli Taiwan, ikan tropika biasa dan ikan air tawar, dan juga memerhati ekologi semula jadi paya bakau, tasik serta kolam pembiakan luaran di institut tersebut. Pemandangan indah Tasik Liyu boleh dikecapi dari tingkat 2.





Yilan: Tempat Yang Dipenuhi Keajaiban Kecantikan Kawasan Pergunungan dan Sumber Air Segar.



Musim taufan bermula dari bulan Julai hingga September setiap tahun dan pantai timur Taiwan yang pertama sekali menanggung beban utama. Jangan lupa untuk memeriksa ramalan cuaca sebelum anda bertolak.

Laluan: Stesen Hualien> Stesen Baru Su'ao> Toucheng

Jalan Utama: Keretapi ; Lebuhraya Wilayah 9> Lebuhraya Wilayah 2

Panduan Laluan: Hari yang paling mudah bagi perjalanan anda sekitar Taiwan. Anda cuma perlu mengayuh sepanjang Lorong Basikal Taman Air Sungai Dongshan untuk melengkapkan seksyen perjalanan ini.

Mungkin anda akan merasa pelik kenapa perjalanan basikal melibatkan keretapi. Lebuhraya Suhua (Su'ao-Hualien) adalah lebuhraya paling indah di Taiwan, tetapi ia juga adalah yang paling berbahaya. Oleh kerana selalu ada banyak trak kerikil dan lori berat lain merentasi Lebuhraya Suhua (di samping banyak lereng sepanjang jalan raya yang berliku dan potensi bahaya tersembunyi di terowong), anda disyorkan untuk menaiki keretapi untuk menjamin keselamatan anda. Oleh kerana hanya penunggang basikal yang berpengalaman dengan perancangan awal yang teliti sahaja mampu menangani cabaran ini, kami tidak memasukkan Lebuhraya Suhua ke dalam itinerari buku panduan ini.

Maklumat tentang pembelian tiket anda dan basikal anda

Dicadangkan supaya mereka dengan basikal jalanan, basikal gunung, dan basikal jenis tidak berlipat yang lain mengambil keretapi dari Stesen Hualien ke Stesen Baru Suao, basikal boleh dibawa bersama anda sepanjang perjalanan, harga tiket basikal adalah separuh harga daripada tiket anda. Terdapat 9 keretapi yang beroperasi bermula dari awal pagi pukul 5 hingga pukul 8 malam (sila rujuk kepada jadual keretapi yang dikeluarkan oleh Pentadbiran Keretapi Taiwan sebelum bertolak). Jumlah masa perjalanan adalah lebih kurang 1 jam 20 minit. Perlu ambil perhatian bahawa keretapi tidak menawarkan perkhidmatan pengangkutan basikal semasa cuti Tahun Baru China atau waktu-waktu puncak.



Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

9 96.5km 冬山Sungai Dongshan – Taman Perhutanan Sungai Dongshan

24°38'16.7"N 121°47'12.6"E

Terletak di hulu Sungai Dongshan, dengan luas sekitar 16 hektar, anda dapat melihat kehijauan di merata tempat - pokok-pokoknya ditanam dengan rapi untuk menjadikan usaha pemuliharaan tanah dan air satu realiti.



9 134.5km 頭城Toucheng – Muzium Lanyang

24°52'07.7"N 121°49'57.8"E

Yilan adalah umpama sebuah muzium, manakala Muzium Lanyang adalah seperti tingkap kepada muzium ini. Seni bina bangunannya menyatu dengan pemandangan timur laut yang berabung, dengan tona warna kelabu-kebiruan yang elegan dari terumbu.






Depot Penjagaan Kesihatan/ Penyelenggaraan Basikal

- ✖ Peniaga Basikal Jioushi
1F., No. 112, Sec. 5, Suhua Rd., Sudong Vil., Su'ao Township, Yilan County
03-995-1595
- ✚ Hospital Pohai Lotung
No. 83, Nanchang St., Luodong Township, Yilan County
03-954-3131
- ✖ Basikal Giant YiCheng
No. 185, Sec. 2, Zhongshan Rd., Yilan City, Yilan County
03-932-5096
- ✚ Hospital Universiti Kebangsaan Yang-Ming, Cawangan Lanyang
No. 169, Xiaoshe Rd., Yilan City, Yilan County
03-932-5192

Tambah Semula Tenaga Anda

«Bebola Ubi Kayu Berisi»

Bola Ubi Kayu Berisi adalah manisan popular Yilan, dengan inti biji kacang merah dimasukkan dalam bebola ubi kayu hitam memberikan satu tekstur khas yang lembut di bahagian luar dan keras di bahagian dalam. Bebola ini dihidang panas dengan ais kacang dan taufu manis, puding telur atau jelai rumput herba. Kontras panas dan sejuk manisan ini menyerlahkan tekstur dan rasa yang cukup enak.





Kembali ke Taipei: Masih Sama tetapi dengan Sedikit Perbezaan.



Tip

Monsun timur laut akan tiba pada musim sejuk. Kebanyakan masa ini Yilan dan Tanjung Timur Laut akan berhujan dari November hingga April tahun berikutnya.

Laluan: Toucheng > Fulong > Shifen > Keelung > Xizhi > Kota Taipei

Jalan Utama: Lebuhraya Wilayah 2> Lebuhraya Wilayah 2C> Lebuhraya Wilayah 2D> Lebuhraya Wilayah 5

Panduan Laluan: Anda perlu mengayuh sekutu-kuatnya di bawah matahari yang terik, pemandangan gunung dan laut yang indah di sepanjang jalan akan menjadi daya motivasi anda. Jom, anda hampir berjaya mencatat rekod mengelilingi pulau sebanyak satu pusingan.

Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

2 100km 福隆Fulong – Terowong Caoling Lama

24°59'38.7"N 121°57'30.8"E

Terowong Caoling Lama dibuka semula setelah kerja pembangunan besar siap pada tahun 2008. Terowong Caoling Lama merupakan terowong lorong basikal yang diubahsuai dari terowong landasan keretapi pertama di Taiwan dengan kepanjangan 2,167m.



2丙 10km 平溪Pingxi – Jalan Lama Shifen

25°02'34.7"N 121°46'35.8"E

Shifen di daerah Pingxi adalah kawasan penempatan besar pertama yang dibangunkan di kawasan Kota Taipei Baru. Keistimewaan utama di sini adalah kewujudan bersama Jalan Lama Pingxi dengan Landasan Keretapi Pingxi.



5 台北Taipei – Taipei 101

25°02'02.1"N 121°33'52.2"E

Meru tanda yang paling menonjol serta bangunan tertinggi di Taipei, Taipei 101 pernah menjadi bangunan tertinggi di dunia dari Disember, 31, 2004 sehingga Januari 4, 2010.



Tip-tip: Penyelenggaraan Basikal

Menyelenggara basikal dengan baik dapat mencegah masalah mekanikal. Jika anda menghabiskan masa 10 minit selepas menunggang untuk memastikan basikal anda dalam keadaan baik, ia akan bergerak lancar untuk seluruh perjalanan anda. Lakukan pembersihan dan penyelenggaraan yang ringkas, bersihkan rantai dan gear anda dengan berus lembut, dan lap badan basikal dengan kain lembab. Adalah penting untuk memeriksa pad brek dan tekanan tayar. Gunakan minyak pelincir ke atas rantai, putar pedal supaya setiap bahagian rantai dilincirkan dengan sekata, dan lap minyak berlebihan dengan kain kering. Sekiranya anda menghadapi masalah menukar gear atau tayar rosak teruk dan lain-lain masalah yang sukar diatasi, dicadangkan agar anda membawa basikal ke kedai untuk dibaiki.



Depot Penjagaan Kesihatan/ Penyelenggaraan Basikal

- ➊ Hospital Besar Miner Taiwan
No. 29, Yuanyuan Rd., Nuannuan Dist., Keelung City
02-2457-9101
- ➋ Hospital Besar Cathay Cawangan Sijihh
No. 2, Ln. 59, Jiancheng Rd., Xizhi Dist., New Taipei City
02-2648-2121
- ➌ Kedai XinChang(pinyin)
No. 21, Limen St., Xizhi Dist., New Taipei City
02-2648-8084
- ➍ Kedai JieJing(pinyin)
No. 543, Sec. 7, Zhongxiao E. Rd., Nangang Dist., Taipei City
02-2783-6643

Tambah Semula Tenaga Anda

«Mee Sup Daging Lembu»

Sup yang direneh menggunakan daging lembu dan ketulan tulang, ketulan daging dan mee biasanya dibahagi kepada "mee sup rebus daging lembu" dan "mee sup daging lembu biasa". Sup yang wangi berperisa dipadankan dengan mee kenyang memberikan rasa enak yang setiap pelancong asing pasti ingati setelah mencubanya.



Kawasan Rehat

- | | | | | |
|--|--|--|--|----------------------------|
| 2
156km
Family Mart
No. 230, Sec. 2, Wubin Rd., Wujie Township, Yilan County | 2
101km
Kedai Serbaneka 7-Eleven
No. 24-1, Xinglong St., Gongliao Dist., New Taipei City | 2
142km
Balai Polis Dafu
No. 200, Sec. 6, Zhuangbin Rd., Zhuangwei Township, Yilan County
03-930-1994 | 2
100.4km
Balai Polis Fulong
No. 19, Fulong St., Gongliao Dist., New Taipei City
02-2499-1541 | 283m
311m |
|--|--|--|--|----------------------------|

Keelong

Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Timur Laut dan Pantai Yilan





Taipei

New Taipei City

Anda dapat menikmati keunikan pemandangan landskap geologi alam semulajadi yang mengagumkan yang terhasil akibat hakisan laut dan ombak, serta batu-batu aneh di sepanjang jalan Pantai Timur Laut, terutamanya di kawasan pemandangan indah Fulong, Rumah Api Sandiaojiao, Kawasan Geologi Lailai yang popular, dan juga laluan terowong basikal Caoling Lama yang penuh dengan suasana nostalgia.



三貂角燈塔 Rumah Api Sandiaojiao

25°00'27.2"N 122°00'06.8"E

Terletak di hujung paling timur Taiwan, menghadap Lautan Pasifik, menara putih ini menawarkan pemandangan jajaran langit dan laut yang mempesonakan. Pemandangan ini membuat seseorang berasa seolah-olah berada di Laut Aegean, Greek.



Perkhidmatan Maklumat Pelancongan

Rangkaian Maklumat Pelancongan Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Timur Laut dan Pantai Yilan



龍洞灣岬步道 Jejak Tanjung Teluk Luodong

25°06'18.5"N 121°55'16.1"E

Asal nama Longdong datang dari batuan pesisiran pantai yang berlengkuk seperti seekor naga (dalam Mandarin Long). Longdong Bay Promontory berhubung dengan dua gerbang laut yang besar di Tanjung Timur Laut, iaitu, Bitoujiao and Tanjung Longdong, dan menawarkan satu pemandangan laut dan tebing batu kapur yang jelas.



南雅奇岩 Batu Nanya

25°07'12.5"N 121°53'35.3"E

Disebabkan oleh bentuk muka bumi bergunung-ganang yang sentiasa dihujani sepanjang Pesisir Pantai Nanya, tebing laut, hakisan marin dan batuan terhakis banyak terdapat di sini. Kekerasan dan ketebalan batu berbeza-beza, akibat daripada hakisan yang membentuk rupa bumi yang pelik dan pelbagai.



Lorong Basikal Yanliao-Longmen



Taman Tepi Pantai Yanliao

End

Tunghai

Kota Taipei Baru

Jambatan Gantung Longmen
Kawasan Perkhemahan Longmen-Taman Tepi Sungai

Pejabat Pentadbiran Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Timur Laut dan Pantai Yilan

Start

Terowong Lorong Basikal Bentuk Bulatan Caoling Lama

Pada tahun 1986, terowong lama yang terabai telah dirancang dan dibina semula sebagai sebuah lorong basikal di bawah konsep "Muzium Landasan Keretapi" yang penuh gaya retro, ia menghubungkan laluan berbentuk bulatan di pesisiran pantai supaya dapat memberikan anda pengalaman melancong yang lebih kaya di Pantai Timur Laut.

Jarak keseluruhan: 18.1km

Stesen Fulong> Terowong Lorong Basikal Caoling Lama> Kawasan Geologi Lailai> Rumah Api Sandiaojiao> Pelabuhan Perikanan Maoao> Stesen Fulong

Pusat Pelawat Fulong

No. 38, Xinglong St., Fulong Vil., Gongliao Dist., New Taipei City
02-2499-1210

Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Terdapat beberapa kedai yang menawarkan penyewaan basikal di Pintu Masuk Utara Terowong Caoling Lama.

福隆海水浴場 Pantai Fulong

25°01'19.3"N 121°56'35.4"E

Sungai Shuang mengalir masuk ke laut di sini, dan membentuk lanskap berganda iaitu sungai daratan dan laut lepas. Sebuah gerbang jambatan menghubungkan kedua-dua tempat ini, menjadikannya sesuai untuk sukan air. Perayaan Seni Arca Pasir Antarabangsa diadakan setiap tahun untuk memperkenalkan karya Pakar arca pasir dari dalam dan luar negara.



Terdapat tanda penjelasan tentang ekologi sepanjang lorong basikal, yang merupakan cara terbaik untuk mempelajari tentang ekologi pesisir pantai. Jika anda teruskan perjalanan dari Yanliao ke arah utara selama 10 minit, jangan lepaskan peluang singgah di Pelabuhan Perikanan Ao-ti untuk menikmati makanan laut yang segar!

Jarak keseluruhan adalah 4.5km

Stesen Fulong> Kawasan Perkhemahan Longmen- Taman Tepi Sungai> Jambatan Gantung Longmen> Taman Tepi Pantai Yanliao

Pejabat Pentadbiran Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Timur Laut dan Pantai Yilan

No. 36, Xinglong St., Fulong Vil., Gongliao Dist., New Taipei City
02-2499-1115

Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Kedai penyewaan basikal tertumpu di Jalan Fulong di hadapan Stesen Fulong serta berada di laluan kedua berdekatan platform berhampiran.

龍門露營區-獨木舟基地

Kawasan Perkhemahan Longmen- Tapak Kayak

25°01'09.9"N 121°56'04.5"E

Kawasan Perkhemahan Longmen merupakan tapak perkhemahan terancang, anda boleh menjalani aktiviti berkhemah, mengayuh basikal, barbeku, dan lain-lain aktiviti rekreasi. Tapak Kayak Longmen adalah tapak kayak berskala besar yang pertama di Taiwan.



Lorong Cabaran Berbasikal Lorong Cabaran Berbasikal Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Alishan

Selat Taiwan

Chiayi

Tainan

Alishan terkenal dengan kecantikan pemandangan lautan awan, matahari terbit dan terbenam, dan juga keindahan air terjun pergunungan tinggi, sakura, serta hutan buluhnya. Landasan keretapi berbentuk "Z", lorong berpapan kayu, Tasik Fenchihu yang dikelilingi pokok cedur, kebudayaan puak orang asli Tsou, semua ini menambah kecantikan dan keistimewaan unik rantau ini.

Stesen HSR Chiayi



Perkhidmatan Maklumat Pelancongan

Rangkaian Maklumat Pelancongan Kawasan
Pemandangan Indah Kebangsaan Alishan



圓潭生態園區 Taman Ekologi YuanTan

23°31'44.2"N 120°39'33.7"E

Dalam taman ini terdapat 3 buah air terjun, iaitu, YuanTan, Xiangshan, dan Xinhua. Airnya amat jernih, hutan dipulihara dengan sempurna, dan kicauan burung dan serangga sepanjang jalan menjadikannya satu lembah yang kaya dengan ekologi beraltitud sederhana.



太平雲梯 Jambatan Gantung Taiping

23°33'34.6"N 120°36'00.3"E

Jambatan Gantung Taiping sepanjang 281m dan lebih kurang 1,000m dari paras laut, merupakan jambatan gantung yang terpanjang dan tertinggi di Taiwan. Jambatan ini merentasi Air Terjun Pelangi Sanyuan ke Guishan dari dek pemerhatian Kampung Taiping, Meishan. Dari sini, pelawat dapat melihat pemandangan Dataran Chiayi-Tainan dan menikmati keindahan semulajadi lautan awan dan sinar kemerahan dari matahari.



奮起湖 Tasik Fenchihu

23°30'18.5"N 120°41'41.8"E

Ketinggian Tasik Fenchihu adalah 1,450m, ia terkenal dengan jalan lama, kotak makan tengahari dan pemandangan alam semulajadi. Ia juga adalah stesen terakhir Landasan Keretapi Hutan Alishan. Jejak bersebelahan dikelilingi oleh kehijauan dan kesuburan hutan buluh, dan persekitarannya amat tenang, sunyi dan indah.



36 Lengkuk Tai-Ping



Bermula dari Lebuhraya Wilayah Chiayi 162A sehingga Daerah Taiping, selepas meninggalkan Jalan Meishan, jalan semakin berliku menaiki lereng. Pemandangan megah dataran Jianan dapat dihayati sepanjang perjalanan. Anda akan dapat menemui berbagai kejutan dalam kehijauan gunung atau keluasan dataran beribu hektar pada setiap selekoh 180 derajah dalam perjalanan tersebut.

Jarak keseluruhan adalah 13km

Tempat Letak Kereta Meishan> Gereja Katolik Meishan> Dek Pemerhatian Meishan > Jambatan Gantung Taiping

i Kedai Runcit LongRong(pinyinin)

No. 17, Taiping Vil., Meishan Township, Chiayi County 05-2571278

竹林茶坊-孝子路步道

Pavilion Teh di Hutan Buluh-Laluan Xiaozilu

23°33'34.1"N 120°36'19.9"E

Pavilion Teh di Hutan Buluh terletak di hadapan Sekolah Rendah Taiping di Jalan Lama Taiping, melalui jambatan gantung anda dapat melihat Hutan Buluh Betong yang terletak di atas laluan pejalan kaki berbatu yang paling terkenal di Taiping. Di kedua-dua sisi jejak itu terdapat Buluh Betong yang tumbuh tinggi mencecah langit, seolah-olah anda sedang memasuki sebuah tempat penggambaran drama kungfu yang sunyi.



Lebuhraya Wilayah 18

Lebuhraya Wilayah 18 atau lebuhraya Alishan adalah jalan utama yang melalui kawasan pemandangan indah dan juga merupakan laluan yang paling klasik. Bermula dari dataran sehingga kawasan pergunungan tinggi, banyak tinggalan sejarah seperti kawasan terbiar yang ditebusguna dan ditanam semasa Dinasti Qing, gaya binaan zaman penjajahan Jepun, dan landasan pengangkutan batak dapat dihayati sepanjang perjalanan ini.

Jarak keseluruhan adalah 55.2km

Putus Perkhidmatan Pelancong Chukou > Shizhao> Kawasan Rekreasi Hutan Negara Alishan

i Putus Perkhidmatan Pelancong Chukou

No. 51, Checheng, Chukou Vil., Fanlu Township, Chiayi County 05-259-3900

石棹步道群Laluan pejalan kaki Shizhao

23°28'26.3"N 120°42'10.0"E

Laluan pejalan kaki ini terdiri daripada 6 jejak, iaitu: kabus, teh, awan, musim panas, sakura dan cinta, yang mewakili penghayatan pemandangan berkabus yang indah, lautan awan, sinar matahari senja, ladang teh yang mempesonakan dan hutan cedar.



Lorong Basikal untuk Pulau Terpencil Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Penghu

Terletak di tengah Selat Taiwan, ia terdiri daripada ratusan pulau berbagai saiz dengan kepanjangan pesisir pantai mencecah sehingga 320km. Tidak kira samada ia adalah rumah lama yang bersejarah, tokong dan lain-lain peninggalan budaya, keajaiban Basalt Kolumnar Daguoye yang hebat ataupun lanskap lantai dasar laut yang sentiasa berubah, kecantikan yang dikecapi amat sukar dilupakan.

Perkhidmatan Maklumat Pelancongan

Rangkaian Maklumat Pelancongan Kawasan Pemandangan Indah Kebangsaan Penghu



Pengenalan kepada Kawasan Pemandangan Indah

澎湖跨海大橋 Jambatan Rentas Laut Penghu

23°39'28.3"N 119°33'16.3"E

Jambatan Rentas Laut Penghu sepanjang 2,494m menghubungkan pulau Baisha dan Xiyu, melintasi Selat Houmen yang berombak besar. Ia adalah jambatan rentas laut yang terpanjang seumpamanya di Timur Jauh pada masa ia siap dibina.



101



二崁聚落保存區 Kampung Bersejarah Erkan

23°36'18.8"N 119°31'10.6"E

Ia merupakan kawasan pemuliharaan penempatan tradisional pertama di Taiwan, di sini masih mengekalkan cara pembinaan tradisional tempatan Penghu menggunakan batu karang bertingkat yang merupakan puncak kegembilan sejarahnya.



池東大菓葉玄武岩 Basalt Kolumnar Daguoye, Chidong

23°35'43.5"N 119°30'59.0"E

Magma cair dari dasar laut yang naik akibat daripada perubahan dalam kerak bumi menyukup dengan pantas dan mengecut untuk membentuk batu khas berbentuk segi lima dan enam, dan di bawah hakisan angin laut menzahirkan satu penampilan lanskap yang megah.



102

Perayauan di Lanskap Gold Coast



Bertolak dari Pusat Pelawat Penghu, melalui kawasan Taman Rekreasi Penghu, singgah di Fongguei dahulu, selepas itu, pusing balik masuk ke kampung nelayan untuk meneroka pantai yang indah seperti Pantai Shanshui, Aimen, Lintou dan sebagainya, sebelum menghala ke utara ke arah kincir angin ke "Musa Membelah Laut" di KuiBishan , Huxi, dan akhirnya kembali semula ke Kota Magong dengan senang dan selesa.

Jarak keseluruhan adalah 50km

Pusat Pelawat Penghu> Kawasan Rekreasi Penghu> Gua Fongguei> Pantai Shili> Tanah Paya & Pantai Shanshui> Menara Batu Utara dan Selatan Hsuogan> Pantai Aimen dan Taman Lintou> KuiBishan Beiliao dan Komuniti Nanliau> Kota Magong

i Pusat Pelawat Penghu

No. 171, Magong City, Penghu County 06-921-6445

🔗 Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Terdapat kedai penyewaan basikal di Kota Magong

蔚裡海岸Pantai Shili

23°31'32.5"N 119°34'01.0"E



Berbaskan ke Taman Geologi Pulau Yuweng

Penghu terdiri daripada banyak pulau kecil, melancong dari pulau ke pulau merupakan jadual yang harus diaturkan. Selain dari boleh "Lompat Pulau Semasa Mengelilingi di Bahagian Utara ", yang disambung oleh sebuah jambatan, pengalaman pergi ke laut mengayuh basikal adalah jauh lebih menyeronokkan dan sukar dilupakan.

Jarak keseluruhan adalah 80km

Kota Magong> Taman Ukiran Batu Dongwei> Kawasan Kuasa Angin Jhongtun> Pokok Bayan Besar Tongliang> Jambatan Rentas Laut> Gua Ikan Paus (Whale Cave)> Kampung Bersejarah Erkan> Basalt Kolumnar Daguoye> Kubu Barat Xiyu> Rumah Api Pulau Yuweng> Kota Magong

🔗 Perkhidmatan Perkongsian dan Sewa Basikal

Terdapat kedai menyewa basikal di Kota Magong

漁翁島燈台Rumah Api Pulau Yuweng

23°33'45.2"N 119°28'08.8"E

Rumah Api Pulau Yuweng terletak di hujung barat daya Pulau Yuwen di Daerah Penghu. Rumah api menyala setiap malam menjadi ikon simbol pelayaran pesisiran Taiwan. Ia adalah satu-satunya rumah api asal yang dibina di Taiwan dan didokumentasikan dengan baik.



Sumber atas Talian

Tidak kira betapa lengkap anda telah membuat persediaan sebelum bertolak, sila cuba menguasai segala sumber sebanyak mungkin supaya dapat diguna dalam menyelesaikan apa sahaja masalah yang timbul sepanjang perjalanan.

Keperluan Penunggang Basikal



Biro Cuaca Kementerian Pengangkutan
<https://www.cwb.gov.tw/eng/>



Taiwan on 2 wheels
<https://www.taiwanon2wheels.com/>



Persatuan Berbasikal Formosa Lohas
Perkhidmatan Nasihat Perjalanan Mengelilingi Pulau
<http://eng.flca.tw/>

Tip-tip: Perkongsian Peralatan yang praktikal

Penggunaan rangkaian internet Wi-fi telah begitu berakar umbi dalam kehidupan kita. Buku Panduan ini juga ada membekalkan beberapa sumber internet berguna untuk membantu rakan-rakan kita yang bakal berbasikal mengelilingi pulau! Perjalanan pasti dapat berjalan lancar jika anda menggunakan pelbagai peralatan yang disediakan dengan fleksibel.



Biro Cuaca Pusat W-
Life Weather
Ramalan Cuaca-
Keadaan cuaca



iOS



Android



Google Map
Pencarian Peta/
Navigasi Satelit



iOS



Android



Strava
Penunggangan basikal dan
penjejakkan perjalanan



iOS



Android

Perkongsian dan Penyewaan Basikal sekitar Pulau



Basikal Giant
<https://www.giantcyclingworld.com/news.php?id=20476461>



Penyewaan Rikulau
<http://www.rentabike.com.tw/>

Pengangkutan, dewan dan tempat penginapan



Makanan Taiwan terkenal di seluruh dunia, jadi ambil kesempatan mencuba makanan tempatan ketika mengayuh mengelilingi pulau ini!

Menikmati Kehidupan Sebanyak Mungkin



Laman Web Penginapan Taiwan
<https://taiwanstay.net.tw/>



Rumah Tumpangan Backpackers
<https://www.backpackers.com.tw/forum/>



Persekutaran Mesra Muslim
<https://eng.taiwan.net.tw/m1.aspx?sNo=0020308>



Panduan Michelin
<https://guide.michelin.com/tw/en>



Biro Pelancongan Kementerian Pengangkutan
<https://www.taiwan.net.my/ms/>



Jabatan Pentadbiran Keretapi Taiwan Kementerian Pengangkutan
https://tip.railway.gov.tw/tra-tip-web/tip?lang=EN_US



Melancong di Taiwan
Tip-tip Maklumat Pelancongan



iOS



Android



Tip: Cara Makan Yang Betul Sebelum, Semasa, Selepas Menunggang.

Berbasisikal mengelilingi pulau adalah latihan ketahanan jangka panjang, yang memerlukan satu diet sukan yang mengutamakan pengelakan makanan berminyak. Kekuatan dikekalkan dengan mengambil hidangan yang kecil tetapi secara kerap.

Negara Impian Penunggang Basikal

Unit Penerbitan／Biro Pelancongan Kementerian Pengangkutan
Penyuntingan Rancangan／S.C. Communications Integrated
Marketing Co., LTD
Penyuntingan Bersama／Persatuan Berbasikal Formosa Lohas
Alamat／9F., No.290, Sec. 4, Zhongxiao E. Rd., Da-an District, Taipei
City 10694
Laman Web／taiwan.net.tw
Talian Perkhidmatan Perundingan Melancong／0800-011-765
Telefon／(02)2349-1500

Unit Penerbitan／Biro Pelancongan Kementerian Pengangkutan
e-mail／tbroc@tbroc.gov.tw
Telefon／(02)2349-1500
Alamat／9F, 290 Zhongxiao East Road, Section 4, Taipei City, 10694

Hak Cipta Terpelihara:
Biro Pelancongan Kementerian Pengangkutan

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak
boleh dipindahkan tanpa kebenaran daripada pemilik Hak Cipta.
Tindakan akan diambil terhadap cetakan rompak.



Taiwan

THE HEART OF ASIA

AD